



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI PERLIS SIRI 1



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

**PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

**NEGERI PERLIS
SIRI 1**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	BAHAGIAN I
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
	PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
	JABATAN KERJA RAYA
	MAJLIS PERBANDARAN KANGAR
3	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri
	PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
	JABATAN TANAH DAN GALIAN NEGERI
23	Pengurusan Kuota Bumiputera Bagi Projek Perumahan Swasta
	PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS
31	Rumpun Teras Sdn. Bhd.
	BAHAGIAN II
	PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI
49	Pendahuluan
49	Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri
50	Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti
51	Objektif Pengauditan
51	Skop Dan Metodologi Pengauditan
51	Kawalan Utama
63	Penemuan Audit
68	Pemeriksaan Audit Mengejut
69	Syor Audit
73	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri.
2. Laporan ini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian I - Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri manakala Bahagian II - Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Bahagian I melaporkan pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 3 Jabatan, satu Agensi Negeri dan satu Syarikat Kerajaan Negeri. Bahagian II pula melaporkan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan di 7 Jabatan/Agensi Negeri dan Pemeriksaan Audit Mengejut di 2 Jabatan/Agensi Negeri.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan ke Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 8 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2015 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

17 Mac 2016



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN KERJA RAYA MAJLIS PERBANDARAN KANGAR - Pengurusan Penyelenggaraan Jalan Negeri

1.1. Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam, selain daripada Jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Mengikut Jadual 10 Bahagian II Perlembagaan Persekutuan, penyelenggaraan jalan Negeri bermaksud pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan terhadap jalan Negeri, perabot tepi jalan, jambatan dan pembentung yang menjadi sebahagian dari jalan raya tersebut bagi tujuan mengekalkan keadaannya sepertimana dibina atau dibaiki. Penyelenggaraan jalan dijalankan untuk memastikan permukaan dan persekitaran jalan sentiasa memberi pemanduan yang selesa dan selamat; struktur jalan mempunyai kekuatan yang mencukupi untuk menampung beban trafik dan laluan dapat dipulihkan dengan kadar segera apabila berlaku kejadian yang tidak dijangka seperti tanah runtuh dan sebagainya.

1.2. Berdasarkan kepada rekod *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS), panjang rangkaian jalan Negeri yang disenggara oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis (JKR), Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis (JPS) dan Majlis Perbandaran Kangar (MPK) pada 31 Disember 2015 adalah 1,934.10 kilometer. Ia terdiri dari jalan raya negeri, jalan kawasan perumahan rendah, jalan kampung dan jalan pertanian. Kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan dengan menggunakan peruntukan kewangan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan secara berperingkat pada setiap tahun. Pemberian tahunan ini diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalanraya Negeri Perlis.

1.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2015 mendapati penyelenggaraan jalan Negeri oleh JKR dan MPK adalah memuaskan. Bagaimanapun beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- Jalan-jalan mengalami kerosakan dan sebahagian kerja-kerja penyelenggaraan tidak mengikut spesifikasi.
- Tindakan terhadap aduan pengguna masih rendah iaitu pada tahap 41.9% sahaja.
- Kepuasan penggunaan jalan raya pada tahap memuaskan.

1.4. Bagi memastikan penyelenggaraan jalan Negeri dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan, Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis (JKR),

Majlis Perbandaran Kangar (MPK) dan Perbendaharaan Negeri Perlis hendaklah mengambil tindakan berikut:

1.4.1. Perbendaharaan Negeri perlu menyalurkan peruntukan kewangan lebih awal pada setiap tahun supaya penyenggaraan jalan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan cekap.

1.4.2. JKR dan MPK perlu meningkatkan pemantauan supaya kerja-kerja penyenggaraan dilakukan dengan sempurna dan mematuhi spesifikasi kerja ditetapkan.

2. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI JABATAN TANAH DAN GALIAN NEGERI

- Pengurusan Kuota Bumiputera Bagi Projek Perumahan Swasta

2.1. Berkuat kuasa 1 Januari 2014, Kerajaan Negeri Perlis telah menetapkan kuota Bumiputera pada kadar sekurang-kurangnya 70% daripada keseluruhan pembangunan perumahan di atas tanah Pegangan Bebas. Ia diambil bagi menjaga kepentingan pemilikan hartanah dan mewujudkan komposisi kaum yang seimbang dalam sesuatu kawasan perumahan. Sebelum ini, kuota Bumiputera ditetapkan pada kadar 40% hingga 60%. Takrifan Bumiputera bagi tujuan pemilikan tanah di Negeri Perlis bagi individu ialah warganegara Malaysia yang terdiri daripada kaum Melayu, Orang Asli Semenanjung, Bumiputera Sabah dan Sarawak, Siam serta Syarikat atau Pertubuhan yang diluluskan.

2.2. Seksyen Pendaftaran Kuota Perumahan Dan Bangunan Bumiputera (SPKP) di bawah Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (UPKT), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis telah diberi tanggungjawab membantu golongan Bumiputera memiliki rumah di Negeri Perlis dan memastikan pemaju perumahan dan industri hartanah mematuhi dan melaksanakan dasar Kerajaan Negeri. Kuota yang diperuntukkan kepada Bumiputera ini akan dijual dengan harga diskaun sebanyak 7% daripada harga jualan. Pembeli perlu mendapatkan Sijil Layak Kuota Bumiputera yang dikeluarkan oleh SPKP sebelum layak membeli lot kuota Bumiputera. Bagi lot kuota Bumiputera yang tidak terjual, pemaju dibenarkan membuat permohonan pelepasan dengan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

2.3. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2015 mendapati pengurusan kuota Bumiputera bagi projek perumahan swasta di Negeri Perlis adalah kurang memuaskan disebabkan kelemahan-kelemahan seperti berikut:

- Prestasi pemilikan kuota Bumiputera tidak dapat diukur.
- Pengurusan dan kawalan terhadap kuota Bumiputera tidak memuaskan.
- Endorsan sekatan kepentingan bagi lot Bumiputera pada rekod hak milik tanah tidak dibuat.

2.4. Bagi memastikan pengurusan Kuota Bumiputera Bagi Projek Perumahan Swasta dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

2.4.1. Seksyen Pendaftaran Kuota Perumahan Dan Bangunan Bumiputera, perlu mewujudkan daftar utama yang lengkap merangkumi maklumat pendaftaran, jualan, baki dan pelepasan unit kuota Bumiputera bagi setiap projek perumahan swasta yang dibangunkan bagi membolehkan prestasi pemilikan kuota Bumiputera dapat diukur.

2.4.2. Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis perlu memantau dan menguatkuasakan sepenuhnya sekatan kepentingan lot kuota Bumiputera pada dokumen hak milik tanah terbabit.

3. PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS

- Rumpun Teras Sdn. Bhd.

3.1. Rumpun Teras Sdn. Bhd. (RTSB) yang ditubuhkan pada 9 April 1996 merupakan syarikat milik 100% Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (Perbadanan) dengan modal dibenarkan berjumlah RM500,000 dan modal berbayar berjumlah RM150,000. Aktiviti perniagaan utama RTSB adalah sebagai pengusaha stesen minyak. RTSB memulakan perniagaan secara usaha sama dengan ekuiti sebanyak 60:40 menerusi syarikat Perlis Property Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Perbadanan, dengan sebuah syarikat milik persendirian, Alternatif Command Sdn. Bhd.. Pada 1 Disember 1998, Perbadanan mengambil alih sepenuhnya RTSB daripada pegangan Perlis Property Sdn. Bhd. dan Alternatif Command Sdn. Bhd.. RTSB juga bertindak sebagai Perunding Kejuruteraan kepada Perbadanan sehingga tahun 2010.

3.2. RTSB mempunyai 3 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri manakala 2 orang Pengarah mewakili Perbadanan. Pengurusan aktiviti RTSB diketuai oleh seorang Pengurus dan dibantu oleh 10 orang pekerja iaitu masing-masing seorang Penyelia Stesen, Kerani Akaun (Stok), Pembantu Stok, Pam Atendan dan 6 orang juruwang.

3.3. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2015 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat RTSB adalah memuaskan. RTSB telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai 3 tahun berturut-turut bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 masing-masing berjumlah RM108,951, RM191,562 dan RM122,536. Keuntungan terkumpul pada tempoh yang sama juga turut meningkat.

3.4. Bagi mempertingkatkan prestasi syarikat, Pengurusan Rumpun Teras Sdn. Bhd. (RTSB) disyorkan supaya meningkatkan kawalan terhadap pengurusan wang tunai syarikat.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti ke atas 7 Jabatan/Agensi Negeri. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 bagi 4 Jabatan/Agensi Negeri telah mendapat penarafan tahap cemerlang, satu Agensi Negeri pada tahap baik dan 2 Jabatan/Agensi Negeri pada tahap memuaskan. Tiada Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap kurang memuaskan iaitu 2 Bintang atau tahap tidak memuaskan iaitu satu Bintang. Antara langkah yang perlu diambil adalah menganjurkan program latihan berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas.



BAHAGIAN I

AKTIVITI

JABATAN/AGENSI

DAN PENGURUSAN SYARIKAT

KERAJAAN NEGERI

JABATAN KERJA RAYA MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

1. PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN NEGERI

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam, selain dari Jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Mengikut Jadual 10 Bahagian II Perlembagaan Persekutuan, penyenggaraan jalan Negeri bermaksud pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan terhadap jalan Negeri, perabot tepi jalan, jambatan dan pembentung yang menjadi sebahagian dari jalan raya tersebut bagi tujuan mengekalkan keadaannya sepertimana dibina atau dibaiki. Mengikut Buku Panduan “Senggara Jalan – Apa yang anda tidak perlu tahu” keluaran Jabatan Kerja Raya, penyenggaraan jalan dilaksanakan adalah untuk memastikan permukaan dan persekitaran jalan sentiasa memberi pemanduan yang selesa dan selamat; struktur jalan mempunyai kekuatan yang mencukupi untuk menampung beban trafik dan laluan dapat dipulihkan dengan kadar segera apabila berlaku kejadian yang tidak dijangka seperti tanah runtuh dan sebagainya.

1.1.2. Berdasarkan kepada rekod *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS), panjang rangkaian jalan Negeri yang disenggarakan pada akhir tahun 2015 di Negeri Perlis adalah 1,934.10 kilometer, terdiri daripada jalan raya negeri, jalan kawasan perumahan rendah, jalan kampung dan jalan pertanian. Jalan-jalan ini disenggara oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis (JKR), Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis (JPS) dan Majlis Perbandaran Kangar (MPK). Agensi pelaksana ini kemudiannya akan melantik syarikat konsesi atau kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan jalan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Mengikut rekod MARRIS, panjang jalan Negeri Perlis yang disenggara oleh JKR, JPS dan MPK pada 31 Disember 2015 adalah seperti di **Jadual 1.1.**

Jadual 1.1
Panjang Jalan Negeri Perlis Yang Disenggara Oleh Jabatan Kerja Raya,
Majlis Perbandaran Kangar Dan Jabatan Pengairan Dan Saliran
Pada 31 Disember 2015

Bil.	Jenis Jalan	Panjang Jalan (km)			
		JKR	JPS	MPK	Jumlah
1	Jalan Raya Negeri	427.42	-	-	427.42
2	Jalan Kawasan Perumahan Rendah	16.70	-	125.24	141.94
3	Jalan Kampung	616.18	-	-	616.18
4	Jalan Pertanian	-	748.56	-	748.56
Jumlah		1,060.30	748.56	125.24	1,934.10

Sumber: MARRIS

1.1.3. Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan menetapkan Kerajaan Persekutuan memberi pemberian secara khusus kepada Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan jalan Negeri. Jumlah pemberian ini adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam MARRIS. Jalan Negeri yang layak mendapat pemberian penyenggaraan terdiri daripada jalan Negeri yang mencapai piawaian; jalan *sub-standard*; jalan kawasan perumahan kos rendah; lorong belakang dan jalan pertanian/pelancongan/jalan kampung dengan ciri-ciri yang ditetapkan. Pemberian penyenggaraan jalan Negeri diterima secara berperingkat setiap tahun daripada Kerajaan Persekutuan. Pemberian tahunan ini diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya Negeri Perlis yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan penyenggaraan jalan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ditumpukan kepada kerja-kerja penyenggaraan jalan di bawah Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya Negeri Perlis yang disenggara oleh JKR dan MPK bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Ia melibatkan 21 batang jalan yang disenggara oleh JKR dan 27 batang jalan yang disenggara oleh MPK. Selain semakan dan analisis terhadap maklumat berkaitan, lawatan Audit ke tapak/lokasi penyenggaraan jalan, temu bual dengan pegawai terlibat dan pengedaran borang soal selidik kepada pengguna juga dijalankan. Undang-undang, pekeliling dan garis panduan yang diguna pakai dalam pengauditan ini adalah Perlembagaan Persekutuan, Arahan Amanah Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya, Buku Keluaran JKR “Senggara Jalan – Apa Yang Anda Tidak Perlu Tahu“, *A Guide For District Engineers Staff On Pavement Maintenance*, *A Guide To The Visual Assessment Of Flexible Pavement Surface Condition*, Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri oleh Kementerian Kewangan, Jun 2013 dan Arahan Teknik Jalan yang berkaitan. *Exit Conference* bersama Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, pegawai Majlis Perbandaran Kangar, Perbendaharaan Negeri Perlis dan Unit Audit Dalam telah diadakan pada 9 Mac 2016.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2015 mendapati penyenggaraan jalan Negeri oleh JKR dan MPK adalah memuaskan. Bagaimanapun beberapa kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Jalan-jalan mengalami kerosakan dan sebahagian kerja-kerja penyenggaraan tidak mengikut spesifikasi.

- Tindakan terhadap aduan pengguna masih rendah iaitu pada tahap 41.9% sahaja.
- Kepuasan penggunaan jalan raya pada tahap memuaskan.

1.4.1. Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya Adalah Rendah

1.4.1.1. Kos penyenggaraan jalan Negeri dibiayai melalui Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya Negeri Perlis yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri mengikut Akta Acara Kewangan 1957. Sumber kewangan adalah terimaan geran tahunan daripada Kerajaan Persekutuan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, terimaan geran untuk menyenggara jalan Negeri berjumlah RM84.14 juta, manakala yang dibelanjakan berjumlah RM51.64 juta atau 61.4%. Pada tahun 2015, sejumlah RM26.37 juta atau 91.2% telah dibelanjakan berbanding terimaan, manakala pada tahun 2014 berjumlah RM11.22 juta atau 39.9% dan RM14.05 juta atau 51.8% pada tahun 2013. Prestasi perbelanjaan tahunan yang rendah ini telah menyebabkan baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya Negeri Perlis pada akhir tahun 2015 meningkat kepada RM111.89 juta berbanding RM109.33 juta pada tahun 2014 dan RM92.46 juta pada tahun 2013. Terimaan dan perbelanjaan penyenggaraan jalan negeri bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya Negeri Perlis
Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (RM Juta)	Perbelanjaan Semasa (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Peratus Penggunaan Semasa (%)	Peratus Penggunaan Keseluruhan (%)
2013	79.39	27.12	14.05	92.46	51.8	13.2
2014	92.46	28.09	11.22	109.33	39.9	9.3
2015	109.33	28.93	26.37	111.89	91.2	19.1
Jumlah		84.14	51.64		61.4	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

1.4.1.2. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, JKR telah menerima peruntukan kewangan daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM43.0 juta dan sejumlah RM42.80 juta atau 99.5% daripadanya telah dibelanjakan. Bagi MPK, sejumlah RM3.20 juta telah diterima bagi tempoh tahun 2014 hingga 2015 dan sejumlah RM3.16 juta atau 98.8% daripadanya telah dibelanjakan. Terimaan dan perbelanjaan oleh JKR dan MPK bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 1.3** dan **Jadual 1.4**.

Jadual 1.3
Terimaan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan
Jalanraya Negeri Perlis Oleh JKR Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Perbelanjaan Berbanding Terimaan Semasa (%)
2013	3.11	9.50	12.05	0.56	126.8
2014	0.56	11.00	10.22	1.34	92.9
2015	1.34	22.50	20.53	3.31	91.2
Jumlah		43.00	42.80		99.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 1.4
Terimaan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan
Jalanraya Negeri Perlis Oleh MPK Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Perbelanjaan Berbanding Terimaan Semasa (%)
2013	TM	2.00	TM	TM	TM
2014	0.00	1.00	1.00	0.00	100.0
2015	0.00	2.20	2.16	0.04	98.2

Sumber: Majlis Perbandaran Kangar

TM – Tiada Maklumat. MPK Hanya Menyelenggara Akaun Amanah Penyenggaraan Jalanraya Mulai Tahun 2014.

1.4.1.3. Maklum balas Perbendaharaan Negeri semasa Exit Conference pada 9 Mac 2016, Perbendaharaan Negeri memaklumkan peruntukan kewangan yang disalurkan adalah berdasarkan kepada rancangan penyenggaraan yang dikemukakan oleh JKR pada setiap akhir tahun. JKR memaklumkan perbelanjaan tidak dapat dibuat kesemuanya pada tahun semasa disebabkan terdapatnya peruntukan tambahan yang diterima pada akhir tahun.

Pada pendapat Audit, prestasi keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya Negeri Perlis adalah rendah.

1.4.2. Penyenggaraan Jalan

1.4.2.1. Kualiti Penyenggaraan Jalan Oleh Jabatan Kerja Raya

Mengikut Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri, kerja-kerja penyenggaraan jalan raya Negeri dibahagikan kepada 3 kategori iaitu penyenggaraan berkala, rutin dan kecemasan.

a. Penyenggaraan Berkala

Kerja-kerja penyenggaraan jalan raya secara berkala adalah seperti menguatkan struktur *pavemen* jalan, membuang permukaan jalan sedia ada serta menggantikan dengan permukaan jalan yang baru (*resurfacing*) dan dilaksanakan mengikut

program setiap 5 hingga 10 tahun sekali berdasarkan purata trafik harian sebagaimana yang digariskan dalam *Highway Maintenance Manual*. Untuk itu, kerja-kerja penyenggaraan jalan ini hendaklah dirancang pada setiap tahun dengan menentukan jenis penyenggaraan, lokasi jalan dan kaedah pelaksanaan yang sesuai. Lawatan Audit terhadap 21 batang jalan pada bulan Disember 2015 hingga Mac 2016 mendapati setiap jalan yang dilawati mempunyai kerosakan/kecacatan yang berbeza iaitu seperti berikut:

i. Cacat Permukaan Jalan

Pemeriksaan Audit mendapati kerja-kerja memperbaiki kerosakan kecacatan permukaan jalan dilaksanakan mengikut kes yang ditemui semasa rondaan oleh JKR atau setelah menerima aduan awam. JKR tidak menyelenggarakan rekod penyenggaraan jalan bagi memantau kekerapan dan jenis kerja-kerja penyenggaraan jalan yang telah dibaiki.

- ***Shoving***

Shoving terbentuk dengan penolakan ke atas permukaan jalan di bahagian tepi dan di bahu jalan, disusuli dengan keretakan. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kekuatan lapisan asas tidak cukup untuk menampung beban trafik. Lawatan Audit pada 1 Februari 2016 mendapati berlaku kerosakan jenis *shoving* seperti di **Gambar 1.1**.



Gambar 1.1
Kerosakan Jalan Jenis *Shoving*

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Persisiran Pantai Kuala
Perlis - Kuala Sanglang
Tarikh: 1 Februari 2016

ii. Permukaan Jalan Rosak

Kerosakan terhadap permukaan jalan berlaku disebabkan kehilangan bahan lapisan permukaan dan tekstur permukaan. Antara jenis kecacatan permukaan yang ditemui ialah *delamination* dan lelubang adalah seperti berikut:

- **Pengupasan (*Delamination*)**

Delamination berlaku disebabkan kawasan yang hendak diturap tidak dibersihkan terlebih dahulu dan kurangnya pengikat (*tack coat*). Penyerapan air melalui celahan retakan menjejaskan ikatan di antara lapisan bawah dan atas jalan. Kerosakan yang berlaku dari jenis *delamination* ini adalah seperti di **Gambar 1.2** dan **Gambar 1.3**.

Gambar 1.2
Kerosakan Permukaan Jalan
Jenis Pengupasan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Persisiran Pantai Kuala Perlis
- Kuala Sanglang
Tarikh: 1 Februari 2016

Gambar 1.3
Kerosakan Permukaan Jalan
Jenis Pengupasan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Padang Telela - Ulu Pauh
Tarikh: 2 Februari 2016

- iii. **Maklum balas JKR semasa Exit Conference pada 9 Mac 2016, JKR memaklumkan kerosakan jalan berlaku disebabkan kerja-kerja pembinaan struktur kawalan hakisan pantai yang dijalankan oleh JPS di lokasi bersebelahan. Surat telah dikemukakan kepada JPS untuk membuat pembaikan semula terhadap jalan-jalan yang rosak tersebut. Kerosakan di lain-lain jalan telah dibuat pembaikan.**

b. Penyenggaraan Rutin

Penyenggaraan ini terbahagi kepada penyenggaraan *pavemen*, penyenggaraan bahu jalan, pemotongan rumput, penyenggaraan perabot jalan, penyenggaraan pembetung dan jambatan serta penyenggaraan longkang. Penyenggaraan ini perlu dilaksanakan untuk memastikan kawasan sentiasa bersih dan selamat kepada pengguna. Lawatan Audit mendapati perkara berikut:

- i. **Penyenggaraan Perabot Jalan**

Perabot jalan adalah objek atau kelengkapan yang dipasang di jalan untuk tujuan tertentu seperti keselamatan, petunjuk destinasi dan arah. Contoh perabot jalan

adalah papan tanda, bebendul jalan (kerb), *flexypost*, *km post*, *guardrail*, *road barrier*, *traumatic barrier*, *road stud* dan tiang lampu.

- **Papan Tanda**

Lawatan Audit pada 17 Disember 2015 mendapati papan tanda yang telah rosak, kotor, terlindung dan tidak disenggarakan adalah seperti di **Gambar 1.4** hingga **Gambar 1.7**.

Gambar 1.4
Papan Tanda Rosak Dan Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Changkat Jawi - Jelempek
Tarikh: 17 Disember 2015

Gambar 1.5
Tulisan Papan Tanda Tertutup



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Tambun Tulang
Tarikh: 17 Disember 2015

Gambar 1.6
Papan Tanda Lampu Isyarat Hampir Tumbang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Simpang Empat
Tarikh: 17 Disember 2015

Gambar 1.7
Papan Tanda Terlindung Dengan Pokok



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Simpang Empat
Tarikh: 17 Disember 2015

- ***Chevron Delineator***

Pemasangan *chevron delineator* bertujuan memberi amaran kepada pemandu bahawa terdapat selekoh di hadapan yang perlu diambil perhatian. *Chevron delineator* yang dibina hendaklah menggunakan *retro-reflective sheeting* yang boleh memantul cahaya pada waktu malam dan hendaklah

disenggarakan dengan bersih dan mudah dilihat. Lawatan Audit pada 16 Disember 2015 dan 1 Februari 2016 mendapati *chevron delineator* pudar, rosak, tertanggal dan tidak disenggarakan adalah seperti di **Gambar 1.8** hingga **Gambar 1.10**.

Gambar 1.8
***Chevron Delineator* Pudar**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Lencongan Barat Timah Tasoh
Tarikh: 16 Disember 2015

Gambar 1.9
***Chevron Delineator* Pudar Dan Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Lencongan Barat Timah Tasoh
Tarikh: 16 Disember 2015




Gambar 1.10
***Chevron Delineator* Tertanggal**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Persisiran Pantai Kuala Perlis
- Kuala Sanglang
Tarikh: 1 Februari 2016

- **Garis Putih Jalan Tidak Disediakan**

Lawatan Audit pada 17 Disember 2015, 5 Februari 2016 dan 1 Mac 2016 mendapati garisan putih jalan tidak disediakan adalah seperti di **Gambar 1.11** dan **Gambar 1.12**.

Gambar 1.11
Tiada Garisan Putih Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Changkat Jawi - Jelempek
Tarikh: 17 Disember 2015

Gambar 1.12
Tiada Garisan Putih Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Persisiran Pantai Kuala Perlis
- Kuala Sanglang
Tarikh: 1 Mac 2016

- **Penyenggaraan Kilometer Post**

Lawatan Audit pada 17 Disember 2015 mendapati *Kilometer Post* yang telah rosak, terlindung dengan semak dan tidak disenggarakan dengan baik adalah seperti di **Gambar 1.13** dan **Gambar 1.14**.

Gambar 1.13
Kilometer Post Yang Rosak Dan Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Chemumar
Tarikh: 17 Disember 2015

Gambar 1.14
Kilometer Post Yang Terlindung Dan Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Chemumar
Tarikh: 17 Disember 2015

- **Longkang Tersumbat**

Lawatan Audit pada bulan Disember 2015 dan Februari 2016 mendapati longkang yang dilitupi dengan tumbuhan dan lalang serta tebing longkang yang pecah dan boleh mengganggu aliran air adalah seperti di **Gambar 1.15** hingga **Gambar 1.18**.

Gambar 1.15
Longkang Dilitupi Dengan Pokok
Dan Tumbuhan Menjalar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kurong Batang
Tarikh: 17 Februari 2016

Gambar 1.16
Longkang Diliputi Dengan Lalang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Jejawi - Tok Kayaman
Tarikh: 5 Februari 2016

Gambar 1.17
Longkang Pecah
Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Padang Siding
Tarikh: 2 Februari 2016

Gambar 1.18
Tebing Longkang Pecah
Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Raja Syed Alwi
Tarikh: 3 Februari 2016

ii. Maklum balas JKR semasa Exit Conference pada 9 Mac 2016, JKR memaklumkan:

- Papan tanda yang rosak/kotor telah/akan dibaiki dan dibersihkan.
- Sebut harga telah ditawarkan kepada kontraktor untuk membuat garisan putih jalan.
- *Kilometer Post* yang rosak akan diganti dengan jenis yang baharu.
- Longkang yang dilitupi tumbuhan menjalar/lalang telah dan akan dibersihkan.
- Longkang/Tebing longkang yang pecah akan dibaiki.

c. Kualiti Kerja Penyenggaraan Memuaskan

- i. Penyenggaraan jalan hendaklah dilaksanakan berdasarkan spesifikasi kerja yang ditetapkan bagi menjamin kualiti kerja yang memuaskan agar keselamatan dan keselesaan pengguna dapat diutamakan. Lawatan Audit mendapati 11 kerja-kerja penyenggaraan yang dilakukan pada tahun 2015 pada keseluruhannya adalah memuaskan kecuali 5 daripadanya terdapat kecacatan dan kerosakan seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Kerja-Kerja Penyenggaraan Yang Mengalami Kecacatan/Kerosakan

Bil.	Jalan Dan Jenis Kerja	Tarikh Siap Kerja	Penemuan Audit
1	Jalan Kuala Perlis-Sungai Bahru mengganti <i>guardrail</i> yang rosak.	30.1.2015	<i>Guardrail</i> tiada skru seperti di Gambar 1.19 .
2	Jalan Padang Behor- mengecat semula garisan jalan.	18.5.2015	Garisan jalan lama masih kelihatan seperti di Gambar 1.20 .
3	Jalan Jejawi-Padang Behor - membina <i>box culvert</i> dan penutup longkang dan membaiki tebing bahu jalan.	26.5.2015	Hakisan terhadap tebing bahu jalan seperti di Gambar 1.21 .
4	Jalan Persisiran Pantai Seksyen 4- Seksyen 6/ <i>Resurface/Regulation</i> .	28.8.2015	Jalan retak/patah seperti di Gambar 1.22 .
5	Jalan Mata Ayer-Beseri Seksyen 9- Seksyen 10, Jalan Kubang Perun dan Jejawi/ <i>Resurface/Regulation</i> .	24.11.2015	Jalan tiada bahu jalan seperti di Gambar 1.23 .

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Gambar 1.19
Guardrail Tiada Skru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kuala Perlis - Sungai Bahru
Tarikh: 17 Februari 2016

Gambar 1.20
Garisan Jalan Lama Masih Kelihatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Padang Behor
Tarikh: 17 Februari 2016

Gambar 1.21
Hakisan Tebing Bahu Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Jejawi - Padang Behor
Tarikh: 17 Februari 2016

Gambar 1.22
Jalan Retak/Patah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Persisiran Pantai,
Seksyen 4 - Seksyen 6
Tarikh: 22 Februari 2016



Gambar 1.23
Tiada Bahu Jalan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Mata Ayer - Beseri,
Seksyen 9 - Seksyen 10
Tarikh: 1 Mac 2016

- ii. Semakan Audit mendapati kontraktor yang menjalankan kerja-kerja *resurface* di Jalan Semadong juga bertanggungjawab menyediakan garisan putih sementara jalan dengan menggunakan cat *roadpaint themoplastic*. Lawatan Audit pada 2 Februari 2016 bagaimanapun mendapati garisan putih jalan sementara tersebut tidak disediakan oleh kontraktor adalah seperti di **Gambar 1.24**.



Gambar 1.24
Garisan Putih Sementara Jalan
Tidak Disediakan Oleh Kontraktor

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Semadong
Tarikh: 2 Februari 2016

- iii. **Maklum balas JKR semasa Exit Conference pada 9 Mac 2016, JKR memaklumkan semua kerosakan/kecacatan jalan tersebut telah dan akan dibaiki.**

Pada pendapat Audit, kualiti penyenggaraan jalan Negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya adalah memuaskan.

1.4.2.2. Prestasi Penyenggaraan Jalan Oleh Majlis Perbandaran Kangar

Kerja penyenggaraan jalan dilaksanakan oleh MPK meliputi semua jalan taman perumahan, termasuk taman perumahan awam kos rendah. Kerja-kerja pembersihan mencuci jalan, longkang dan memotong rumput di tepi jalan diberikan terus kepada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan berjumlah RM0.22 juta sebulan. Semua perolehan kerja lain dilaksanakan melalui pemberian terus dengan kos di bawah RM20,000 setiap satu. Antara kerja penyenggaraan jalan yang dijalankan oleh MPK adalah membaik pulih jalan masuk taman, menaik taraf jalan sambungan, menurap jalan dalam taman, membaik pulih dan membina longkang, membaik pulih jalan berlubang, membuat dan memasang penutup longkang, membuat dan menukar *grill* penutup longkang, membina bonggol dan papan tanda taman, membaik pulih dan membina penutup longkang konkrit dan membersihkan parit serta membina parit baru. Lawatan Audit pada 16 dan 19 Februari 2016 terhadap 28 kerja-kerja penyenggaraan di 27 batang jalan yang disenggarakan oleh MPK pada tahun 2013 hingga 2015 mendapati pada keseluruhannya adalah memuaskan kecuali berlakunya beberapa kerosakan seperti berikut:

a. Kerja Penyenggaraan Yang Mengalami Kerosakan

- i. Lawatan Audit mendapati 6 kerja-kerja penyenggaraan mengandungi beberapa kerosakan atau kerja kurang sempurna adalah seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Kerja-Kerja Penyenggaraan Yang Mengalami Kerosakan/Kecacatan

Bil.	Jalan Dan Jenis Kerja	Tarikh Siap Kerja	Penemuan Audit
1	Medan Niaga Titi Chai - Baik pulih Longkang dan menyiapkan penutup Longkang.	12.3.2013	• Penutup besi rosak seperti di Gambar 1.25. • Bukaian jeriji penutup longkang terlalu lebar seperti di Gambar 1.26.
2	Jalan Emas 10, Taman Emas, Bukit Keteri - Baik pulih longkang.	7.4.2014	• Sambungan longkang <i>v-shape</i> tidak disimen dengan sempurna seperti di Gambar 1.27.
3	Taman Indera Indah, Kuala Perlis - Menurap <i>premix</i> .	30.6.2014	• Kerosakan jalan jenis <i>delamination</i> seperti di Gambar 1.28.
4	Jalan Repoh Jaya 1 dan 5, Taman Repoh Jaya - Menurap <i>premix</i> .	13.11.2014	• Kerosakan jalan jenis retak buaya seperti di Gambar 1.29.
5	Lorong TB 6, Taman Bersatu - Baik pulih longkang.	2.3.2015	• Penutup <i>sump</i> tidak berfungsi dengan sempurna seperti di Gambar 1.30.
6	Jalan Maju 5, Taman Kemajuan - Baik pulih longkang dan jalan.	27.4.2015	• Tupang konkrit patah seperti di Gambar 1.31.

Sumber: Majlis Perbandaran Kangar

Gambar 1.25
Penutup Besi Telah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Niaga Titi Chai, Utan Aji
Tarikh: 19 Februari 2016

Gambar 1.26
Bukaan Jeriji Penutup Longkang Terlalu Lebar (15 cm)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Niaga Titi Chai, Utan Aji
Tarikh: 19 Februari 2016

Gambar 1.27
Sambungan Longkang Tidak Disimen Dengan Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Emas, Bukit Keteri, Chuping
Tarikh: 19 Februari 2016

Gambar 1.28
Kerosakan Permukaan Jalan (Delamination)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Indera Indah, Kuala Perlis
Tarikh: 19 Februari 2016

Gambar 1.29
Kerosakan Permukaan Jalan (Retak Buaya)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Repoh Jaya, Kangar
Tarikh: 19 Februari 2016

Gambar 1.30
Penutup Sump Tidak Berfungsi Dengan Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bersatu, Arau
Tarikh: 16 Februari 2016



Gambar 1.31
Tupang Konkrit Yang Patah
Tidak Dibaiki

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Kemajuan, Kangar
Tarikh: 16 Februari 2016

- ii. **Maklum balas MPK semasa Exit Conference pada 9 Mac 2016, MPK memaklumkan akan membuat pembaikan terhadap kerosakan/kecacatan yang berlaku.**

b. Kerja Disiapkan Tidak Mematuhi Spesifikasi

Semua kerja penyenggaraan hendaklah mematuhi spesifikasi yang dinyatakan dalam *Bill of Quantities*. Lawatan Audit mendapati 6 kerja penyenggaraan jalan yang tidak mematuhi spesifikasi ditetapkan adalah seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7
Kerja-Kerja Penyenggaraan Jalan Yang Tidak Mematuhi Spesifikasi Ditetapkan

Bil.	Jalan Dan Jenis Kerja	Tarikh Siap Kerja	Penemuan Audit
1	Lorong 3, Taman Bukit Kayangan - Baik pulih longkang, menyiapkan bonggol jalan dan papan tanda bonggol.	24.7.2013	Jumlah papan tanda bonggol adalah 19 unit, berbanding 22 unit sepatutnya seperti di Gambar 1.32 .
2	Medan Niaga Titi Chai - Membaik pulih dan membina penutup longkang konkrit.	12.3.2013	Penutup besi tidak dipasang pada bahagian yang renggang seperti di Gambar 1.33 .
3	Lorong Susur (Hadapan Skynet), Taman Perlis - Menurap <i>premix</i> .	24.10.2014	Luas <i>premix</i> adalah 2.0m x 3.6m, berbanding 2.0m x 5.0m sepatutnya seperti di Gambar 1.34 .
4	Jalan Masmuda 2, Taman Masmuda - Menurap <i>premix</i> .	13.11.2014	Dinding bata konkrit hanya dibina sebelah sahaja, berbanding sepatutnya di kedua belah longkang sepatutnya seperti di Gambar 1.35 .
5	Jalan Ria, Taman Pertama - Baik pulih longkang.	13.10.2015	Panjang binaan dinding bata adalah 11.0 m x 0.45 m x 2 berbanding sepatutnya 14.0 m x 0.45 m x 2 seperti di Gambar 1.36 .
6	Persiaran Jubli Perak - Membina bebendul jalan.	27.11.2015	Panjang bebendul jalan ialah 6.4m, berbanding 10.0m sepatutnya seperti di Gambar 1.37 .

Sumber: Majlis Perbandaran Kangar

Gambar 1.32
Papan Tanda Bonggol Jalan
Terkurang Bina 3 Unit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bukit Kayangan, Kangar
Tarikh: 16 Februari 2016

Gambar 1.33
Penutup Besi Tidak Disediakan Pada
Bahagian Yang Renggang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Niaga Titi Chai, Kangar
Tarikh: 19 Februari 2016

Gambar 1.34
Keluasan Premix Terkurang Bina
2.0m x 3.6m sepatutnya 2.0m x 5.0m



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Perlis, Kangar
Tarikh: 16 Februari 2016

Gambar 1.35
Dinding Bata Tidak Dibina
Di Kedua-dua Belah Longkang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Masmuda, Kangar
Tarikh: 19 Februari 2016

Gambar 1.36
Panjang Dinding Bata Terkurang Bina
11.0m x 0.45m sepatutnya 14.0m x 0.45m



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertama, Kangar
Tarikh: 16 Februari 2016

Gambar 1.37
Panjang Bebendul Jalan Terkurang Bina
6.4m sepatutnya 10.0m



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Persiaran Jubli Perak, Kangar
Tarikh: 16 Februari 2016

- c. **Maklum balas MPK semasa Exit Conference pada 9 Mac 2016, MPK memaklumkan terdapat perubahan pada skop kerja asal yang tidak dikemas kini pada Senarai Kerja semasa pembayaran dibuat.**

Pada pendapat Audit, kualiti penyenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Kangar pada keseluruhannya adalah memuaskan.

1.4.3. Pengurusan Aduan Dan Piagam Pelanggan

Rekod Aduan Pelanggan merupakan salah satu daripada kaedah pemantauan yang berkesan bagi menilai keberkesanan program penyenggaraan jalan yang dilaksanakan. Ia bertujuan untuk memastikan setiap aduan yang diterima daripada pelanggan, diambil tindakan dengan cekap dan berkesan di samping mendapatkan maklum balas mengenai keadaan dan kedudukan jalan yang mengalami masalah tersebut. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

1.4.3.1. Aduan Pengguna Terhadap Penyenggaraan Jalan Negeri

- a. Mengikut Piagam Pelanggan JKR, semua aduan yang diterima berkenaan jalan berlubang dan halangan yang terjadi kepada jalan, akan diselesaikan dalam tempoh 24 jam dan kes ditutup sepenuhnya dalam tempoh 2 bulan dari tarikh aduan diterima.
- b. Semakan Audit terhadap Daftar Aduan Pengguna yang diselenggara oleh Bahagian Senggara Jalan mendapati sebanyak 191 aduan berkaitan jalan telah diterima bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Aduan terhadap kerosakan jalan yang diterima adalah seperti di **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8
Aduan Kerosakan Jalan Dan Bilangan Tindakan Yang Telah Diambil
Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Jenis Aduan Kerosakan Jalan	Jumlah Aduan Diterima	Bil. Telah Diambil Tindakan	Tiada Maklumat Berkenaan Tindakan Yang Diambil	Telah Diambil Tindakan (%)
1	Berlubang	40	32	8	80.0
2	Berlopak	1	0	1	0.0
3	Mendap	12	8	4	66.7
4	Lain-lain	138	40	98	29.0
Jumlah		191	80	111	41.9

Sumber: Jabatan Kerja Raya

- c. Daripada keseluruhan aduan yang diterima oleh JKR dalam tempoh tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 80 aduan atau 41.9% telah diambil tindakan sewajarnya manakala 111 aduan atau 58.1% daripadanya tidak mempunyai maklumat mengenai tindakan yang telah diambil. Keadaan ini berlaku disebabkan JKR tidak menyelenggara daftar aduan dengan lengkap dan kemas kini.

- d. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, JKR juga telah menerima sebanyak 40 aduan berkenaan jalan berlubang manakala 30 aduan bagi pokok tumbang. Bagi aduan jalan berlubang, 13 aduan atau 32.5% daripadanya telah diselesaikan oleh JKR dalam tempoh 24 jam manakala 2 aduan atau 5.0% diselesaikan melebihi tempoh 24 jam. Kelewatan menyelesaikan aduan adalah di antara satu hingga 6 hari dan tiada catatan dibuat. Selebihnya, 25 aduan atau 62.5% lagi tidak mempunyai maklumat mengenai tindakan yang diambil. Bagi aduan pokok tumbang pula sebanyak 16 aduan atau 53.3% daripadanya telah diselesaikan dalam tempoh 24 jam, satu aduan atau 3.3% aduan telah diselesaikan dalam tempoh 4 hari manakala 13 aduan atau 43.3% tidak mempunyai maklumat mengenai tindakan yang diambil. Butirannya adalah seperti di **Jadual 1.9**.

Jadual 1.9
Tempoh Masa Diambil Terhadap Aduan Mengenai Jalan Negeri
Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Jenis Aduan	Tempoh Diambil Tindakan			
	<24 Jam	>24 Jam	Tiada Maklumat	Jumlah
Jalan Berlubang	13	2	25	40
Pokok Tumbang	16	1	13	30

Sumber: Jabatan Kerja Raya

- e. **Maklum balas JKR semasa Exit Conference pada 9 Mac 2016, JKR memaklumkan pada keseluruhannya semua aduan yang diterima telah diambil tindakan sewajarnya dalam tempoh masa ditetapkan. Maklumat tersebut bagaimanapun tidak dikemas kini ke dalam Daftar Aduan Pengguna.**

1.4.3.2. Maklum Balas Pengguna Terhadap Tahap Keselamatan Dan Keselesaian Pemanduan Pengguna Jalan raya

- a. Pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 200 borang soal selidik kepada pengguna bagi 10 sampel jalan negeri yang dipilih. Maklum balas yang diterima daripada 120 responden mengenai aspek keselesaan dan keselamatan adalah seperti di **Jadual 1.10**.

Jadual 1.10
Maklum Balas Pengguna Terhadap Keselesaan Dan Keselamatan Bagi Jalan Negeri

Bil.	Nama Jalan	Selesa				Selamat			
		Ya	Peratus (%)	Tidak	Peratus (%)	Ya	Peratus (%)	Tidak	Peratus (%)
1	Jalan Panggas - Guar Nangka - Kampung Gial	86	71.7	31	25.8	77	64.2	31	25.8
2	Jalan Padang Siding - Sempadan Kedah	84	70.0	29	24.2	67	55.8	38	31.7
3	Persisiran Pantai Kuala Perlis - Kuala Sanglang	67	55.8	52	43.3	53	44.2	62	51.7
4	Jalan Kuala Perlis - Sungai Baru	74	61.7	46	38.3	62	51.7	51	42.5
5	Jalan Padang Telela - Ulu Pauh	88	73.3	22	18.3	83	69.2	21	17.5
6	Jalan Bukit Keteri - Paya Kelubi - Semadong	87	72.5	19	15.8	85	70.8	23	19.2
7	Jalan Hospital	70	58.3	43	35.8	64	53.3	44	36.7
8	Jalan Dalam Kompleks Sukan Negeri Perlis	104	86.7	5	4.2	96	80.0	12	10.0
9	Jalan Masuk Ke Dewan 2020	101	84.2	13	10.8	98	81.7	9	7.5
10	Jalan Masuk Taman Perumahan (Taman Ira)	69	57.5	43	35.8	66	55.0	40	33.3

Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Analisis Audit mendapati kebanyakan pengguna bersetuju bahawa mereka merasa selamat dan selesa menggunakan 9 daripada 10 jalan berkenaan dengan 55.8% hingga 86.7% berasa selesa dan antara 51.7% hingga 81.7% berasa selamat. Sementara satu jalan iaitu Jalan Persisiran Pantai Kuala Perlis-Kuala Sanglang peratus pengguna berasa tidak selamat (51.7%) lebih tinggi berbanding pengguna yang berasa selamat (44.2%). Antara faktor pengguna berasa tidak selamat atau tidak selesa menggunakan jalan-jalan adalah disebabkan jalan berlubang, jalan sempit dan jalan tidak rata adalah seperti di **Jadual 1.11** dan **Jadual 1.12**.

Jadual 1.11
Faktor Pengguna Berasa Tidak Selamat Menggunakan Jalan Negeri

Bil.	Faktor Berasa Tidak Selamat	Jumlah Pengguna	Peratus (%)
1	Jalan berlubang	6	5.0
2	Letak kereta di sepanjang jalan	19	15.8
3	Tiada garisan jalan	2	1.7
4	Jalan tidak rata	4	3.3
5	Tiada laluan pejalan kaki dan jejantas	3	2.5
6	Tiada bahu jalan	1	0.8
Jumlah		35	29.2

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 1.12
Faktor Pengguna Berasa Tidak Selesa
Menggunakan Jalan Negeri

Bil.	Faktor Berasa Tidak Selesa	Jumlah Pengguna	Peratus (%)
1	Jalan sempit	46	38.3
2	Jalan berlubang	18	15.0
3	Jalan tidak rata	12	10.0
4	Jalan rosak	6	5.0
5	Jalan sesak	8	6.7
Jumlah		90	75.0

Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. **Maklum balas JKR semasa Exit Conference pada 9 Mac 2016, JKR memaklumkan akan mengambil tindakan proaktif dengan memastikan setiap jalan Negeri dalam keadaan baik dan selamat digunakan sepanjang masa.**

Pada pendapat Audit, pengurusan aduan dan pematuhan kepada Piagam Pelanggan adalah memuaskan. Bagaimanapun pihak JKR patut memberi perhatian khusus kepada soal keselesaan dan keselamatan seperti yang dinyatakan oleh pengguna jalan raya.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan penyenggaraan jalan Negeri dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan. Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis (JKR), Majlis Perbandaran Kangar (MPK) dan Perbendaharaan Negeri hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

1.5.1. Perbendaharaan Negeri perlu menyalurkan peruntukan kewangan lebih awal pada setiap tahun supaya penyenggaraan jalan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan cekap.

1.5.2. JKR dan MPK perlu meningkatkan pemantauan supaya kerja-kerja penyenggaraan dilakukan dengan sempurna dan mematuhi spesifikasi kerja ditetapkan.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI JABATAN TANAH DAN GALIAN NEGERI

2. PENGURUSAN KUOTA BUMIPUTERA BAGI PROJEK PERUMAHAN SWASTA

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Berkuat kuasa 1 Januari 2014, Kerajaan Negeri Perlis telah menetapkan kuota Bumiputera pada kadar sekurang-kurangnya 70% daripada keseluruhan pembangunan perumahan di atas tanah Pegangan Bebas. Ia diambil bagi menjaga kepentingan pemilikan hartanah dan mewujudkan komposisi kaum yang seimbang dalam sesuatu kawasan perumahan. Sebelum ini, kuota Bumiputera ditetapkan pada kadar 40% hingga 60%, bergantung kepada kelulusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Perlis (MMKN). Takrifan Bumiputera bagi tujuan pemilikan tanah di Negeri Perlis bagi individu ialah warganegara Malaysia yang terdiri daripada kaum Melayu, Orang Asli Semenanjung, Bumiputera Sabah dan Sarawak, Siam serta Syarikat atau Pertubuhan yang diluluskan.

2.1.2. Seksyen Pendaftaran Kuota Perumahan Dan Bangunan Bumiputera (SPKP) di bawah Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (UPKT), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis telah diberi tanggungjawab membantu golongan Bumiputera memiliki rumah di Negeri Perlis dan memastikan pemaju perumahan dan industri hartanah mematuhi dan melaksanakan dasar Kerajaan Negeri. Kuota yang diperuntukkan kepada Bumiputera ini dijual dengan harga diskaun sebanyak 7% daripada harga jualan. Pembeli perlu mendapatkan Sijil Layak Kuota Bumiputera yang dikeluarkan oleh SPKP sebelum layak membeli lot kuota Bumiputera. Bagi lot kuota Bumiputera yang tidak terjual, pemaju dibenarkan membuat permohonan pelepasan dengan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

2.1.3. Taburan penetapan lot kuota Bumiputera ini diluluskan oleh MMKN semasa menerima Kebenaran Merancang dan penetapan lot kuota Bumiputera yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC), Majlis Perbandaran Kangar (MPK), bersekali dengan permohonan pemaju untuk tukar syarat dan pecah sempadan tanah yang dikemukakan oleh Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis (PTG). Setelah kelulusan diberi oleh MMKN, PTG akan mengemukakan *Layout Plan* kepada SPKP untuk dikuatkuasakan. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 51 projek perumahan telah dikeluarkan Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) oleh MPK dan tiada permohonan pelepasan lot kuota Bumiputera daripada pemaju diterima.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kuota Bumiputera bagi projek perumahan swasta di Negeri Perlis dilaksanakan secara berkesan, cekap dan mematuhi peraturan serta dasar Kerajaan Negeri yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek dasar Kerajaan Negeri, analisis kedudukan kuota Bumiputera, kawalan pemilikan kuota, kawalan penguatkuasaan dan pemantauan dan kawalan pelepasan kuota Bumiputera bagi tahun 2013 hingga 2015. Sebanyak 51 Sijil CCC dan fail yang telah diluluskan tukar syarat tanah untuk pembinaan perumahan/premis perniagaan telah disemak. Kaedah pengauditan adalah dengan memeriksa fail kelulusan projek, kelulusan MMKN, menganalisis data rumah untuk kelulusan kuota Bumiputera dan lawatan ke tapak projek perumahan untuk pengesahan. Temu bual dengan pegawai Agensi Negeri yang terlibat dalam pengurusan perumahan dan pemaju perumahan juga dijalankan. Soal selidik turut diedarkan bagi mendapatkan maklumat daripada penduduk Negeri Perlis berkaitan penubuhan SPKP dan tahap kemampuan penduduk untuk membeli rumah. *Exit Conference* bersama Ketua Penolong Setiausaha, Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan; Timbalan Pengarah (Pendaftar), Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis; Ketua Unit Pusat Setempat (OSC); Majlis Perbandaran Kangar serta pegawai yang terlibat telah diadakan pada 15 Mac 2016.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2015 mendapati pengurusan kuota Bumiputera bagi projek perumahan swasta di Negeri Perlis adalah kurang memuaskan disebabkan kelemahan-kelemahan seperti berikut:

- Prestasi pemilikan kuota Bumiputera tidak dapat diukur.
- Pengurusan dan kawalan terhadap kuota Bumiputera tidak memuaskan.
- Endorsan sekatan kepentingan bagi lot Bumiputera pada rekod hak milik tanah tidak dibuat.

2.4.1. Kedudukan Pemilikan Kuota Bumiputera

2.4.1.1. Kedudukan Pemilikan Kuota Bumiputera Tidak Dapat Diukur

- a. Sungguhpun Kerajaan Negeri sudah lama menetapkan kuota untuk Bumiputera bagi projek perumahan di Negeri Perlis Kerajaan Negeri tidak menetapkan sebarang Jabatan/Agensi yang bertanggungjawab secara khusus terhadap pemilikan kuota Bumiputera. Sehingga pada tahun 2014, Kerajaan Negeri telah meluluskan penubuhan Seksyen Pendaftaran Kuota Perumahan Dan Bangunan Bumiputera (SPKP) di bawah kawalan UPKT.

- b. Semakan Audit mendapati SPKP tidak menyelenggara dengan lengkap maklumat berkenaan pendaftaran, jualan, baki dan pelepasan lot kuota Bumiputera bagi setiap projek perumahan swasta yang dibangunkan. Ketiadaan maklumat ini menyebabkan Kerajaan Negeri sukar mengukur prestasi pemilikan lot kuota Bumiputera pada satu-satu masa.
- c. Berdasarkan 51 Sijil CCC yang dikeluarkan oleh MPK kepada pemaju perumahan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 2,162 lot kediaman, 371 lot kedai/pejabat dan 21 lot bengkel telah siap dibina dan pembahagian lot adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Pembangunan Hartanah Yang Telah Mendapat Sijil Perakuan
Siap Kerja Dan Pembahagian Lot Kuota Bumiputera
Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Jenis Pembangunan/ Status Tanah	Bil. Dibina (Unit)	Bil. Kuota Bumiputera (Unit)	Kuota Bumiputera (%)
2013			
Rumah Kediaman			
Tanah Rizab Melayu	235	235	100.0
Tanah Pegangan Bebas	531	272	51.2
Premis Perniagaan			
Tanah Rizab Melayu	31	31	100.0
Tanah Pegangan Bebas	65	33	50.8
2014			
Rumah Kediaman			
Tanah Rizab Melayu	234	234	100.0
Tanah Pegangan Bebas	681	375	55.1
Premis Perniagaan			
Tanah Rizab Melayu	47	47	100.0
Tanah Pegangan Bebas	85	34	40.0
2015			
Rumah Kediaman			
Tanah Rizab Melayu	127	127	100.0
Tanah Pegangan Bebas	354	162	45.8
Premis Perniagaan			
Tanah Rizab Melayu	35	35	100.0
Tanah Pegangan Bebas	129	75	58.1

Sumber: Majlis Perbandaran Kangar dan Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis

- d. Sejumlah 30 Sijil CCC yang melibatkan pembinaan 709 pelbagai lot atas Tanah Rizab Melayu telah ditetapkan untuk 100% kuota Bumiputera. Bagi 21 Sijil CCC yang melibatkan pembinaan 1,845 pelbagai lot di atas tanah berstatus Pegangan Bebas (*freehold*), sejumlah 951 lot atau 51.5% daripadanya telah ditetapkan untuk kuota Bumiputera.

- e. **Maklum balas UPKT semasa Exit Conference pada 15 Mac 2016, UPKT memaklumkan dalam proses mengemas kini dan menambah baik daftar induk agihan kuota Bumiputera.**

2.4.1.2. Kuota Bumiputera Tidak Mengikut Kadar Semasa

- a. Semakan Audit terhadap 35 projek yang telah ditetapkan kuota Bumiputera semasa tukar syarat dan pecah sempadan tanah diluluskan oleh MMKN bagi tempoh tahun 2004 hingga 2014 mendapati 4 daripadanya tidak mematuhi dasar semasa Kerajaan Negeri yang menetapkan kuota Bumiputera adalah sekurang-kurangnya 70% daripada keseluruhan premis yang dibangunkan. Pemaju didapati masih menggunakan kuota Bumiputera yang ditetapkan sebelum ini iaitu pada kadar 30%, 40% dan 50% iaitu kadar pada masa tukar syarat dan pecah sempadan tanah diluluskan oleh MMKN.
- b. Keadaan sedemikian berlaku disebabkan tempoh antara kadar kuota Bumiputera ditetapkan oleh MMKN dan tarikh projek disiapkan mengambil masa yang lama iaitu antara 4 hingga 10 tahun. Oleh itu, wujud perbezaan kadar kuota Bumiputera semasa kelulusan pemilikan kuota diperoleh dan semasa projek siap dibina dan dijual. Tempoh dan syarat sah kelulusan berkaitan penetapan kuota Bumiputera juga tidak jelas dinyatakan semasa keputusan MMKN dikeluarkan.
- c. Akibatnya, pembahagian kuota Bumiputera terdapat perbezaan terkurang sebanyak 24 lot adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Perbezaan Bilangan Kuota Bumiputera Disebabkan Agihan Mengikut
Kelulusan MMKN Terdahulu Dan Tidak Pada Kadar Semasa

Bil.	Nama Projek	No. Kelulusan MMKN	Dasar Kerajaan Negeri (Tahun Kelulusan)			Dasar Kerajaan Negeri (Tahun Semasa)			Perbezaan Lot Kuota Bumiputera (Unit)
			Bil. Lot (Unit)	Kuota (%)	Tahun Kelulusan	Bil. Lot (Unit)	Kuota (%)	Tahun Siap Bina	
1	Taman Siswa	584/2004	10	40	2004	18	70	2014	8
2	Taman Kuala Perlis	418/2007	5	40	2007	9	70	2014	4
3	Medan Pekan Arau	83/2008	4	50	2008	5	70	2014	1
4	Medan Universiti	22/2011	8	30	2011	19	70	2015	11
Jumlah			27			51			24

Sumber: Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis

- d. **Berdasarkan maklum balas PTG semasa *Exit Conference* pada 15 Mac 2016, PTG memaklumkan kuota Bumiputera yang perlu dipatuhi oleh pemaju adalah mengikut kadar semasa tukar syarat dan pecah sempadan tanah diluluskan oleh MMKN.**

Pada pendapat Audit, kedudukan pemilikan kuota Bumiputera tidak dapat diukur disebabkan Agensi yang bertanggungjawab tidak menyelenggara maklumat utama berkaitan pendaftaran, jualan, baki dan pelepasan kuota lot perumahan dan bangunan bagi setiap projek.

2.4.2. Pengurusan Dan Kawalan Terhadap Kuota Bumiputera Kurang Memuaskan

2.4.2.1. Peratusan kadar kuota Bumiputera oleh Kerajaan Negeri ditetapkan oleh MMKN semasa permohonan tukar syarat dan pecah sempadan tanah dibentangkan oleh PTG.

2.4.2.2. Semakan Audit mendapati 2 projek perumahan yang dibangunkan di atas tanah berstatus Pegangan Bebas dan 1 projek di atas tanah berstatus Tanah Rizab Melayu, pemiliknya Bukan Melayu, tidak mempunyai keputusan berkenaan penetapan kuota Bumiputera semasa keputusan berkaitan tukar syarat dan pecah sempadan tanah diluluskan oleh MMKN. Kuota Bumiputera yang sepatutnya dipatuhi pada masa itu ialah 40% bagi tanah berstatus Pegangan Bebas dan 50% bagi tanah dalam lingkungan Tanah Rizab Melayu yang pemiliknya Bukan Melayu. Semakan terhadap status pemilikan tanah di PTG bagi 3 projek berkenaan mendapati 35 atau 76.1% daripada keseluruhan 46 unit rumah/kedai yang dibina tersebut telah dimiliki oleh Bukan Bumiputera, 4 unit dimiliki oleh Bumiputera dan 7 unit masih atas nama pemaju.

2.4.2.3. Semakan Audit terhadap 2 projek lagi iaitu yang dibangunkan di atas tanah berstatus Tanah Rizab Melayu, satu melibatkan pemilik bukan Melayu dan satu lagi pemilik Melayu. Bagi pemilik yang bukan Melayu didapati kesemua 13 unit rumah yang dibina dimiliki oleh bukan Bumiputera sedangkan kelulusan MMKN menetapkan 40% adalah kuota Bumiputera. Sementara yang pemilik Melayu didapati 3 daripada 19 unit kedai/pejabat yang dibangunkan telah dimiliki oleh bukan Bumiputera sedangkan keputusan MMKN menetapkan 100% kuota Bumiputera. Kesemua 5 projek pembangunan yang tidak mematuhi kadar pembahagian kuota Bumiputera adalah seperti di **Jadual 2.3.**

Jadual 2.3
Senarai Projek Pembangunan Yang Tidak Mematuhi Kadar Pembahagian Kuota Bumiputera

Bil.	Nama Pemaju	No. Fail PTG	Projek Pembinaan	Status Tanah	Keputusan Kerajaan Negeri	Pemilikan Terkini
1	Syabas Sukma Sdn. Bhd.	PTG.Ps 01A/1719	Cadangan Mendirikan 7 Lot Kedai/Pejabat 2 Tingkat Di Atas Lot PT 300 - PT 306, Jejawi Permatang, Mukim Jejawi, Perlis.	Tanah Rizab Melayu (pemilik Bukan Melayu)	MMKN 265/2007 Tidak dinyatakan kuota Bumiputera	• Bumiputera - 0 • Bukan Bumiputera - 7
2	Vista Mulia Development Sdn. Bhd.	PTG.Ps 01A/1811	Cadangan Mendirikan 14 Lot Kedai/Pejabat Dua Tingkat Di Atas Tanah Lot 8017 (GM 3370) Dan Lot 5554 (GM 3788), Belukar, Mukim Arau.	Pegangan Bebas	MMKN 83/2008 Tidak dinyatakan kuota Bumiputera	• Bumiputera - 0 • Bukan Bumiputera - 11 • Pemaju - 3
3	Indoharta Bina Sdn. Bhd.	PTG.Ps 01A/1579	Cadangan Mendirikan 15 Unit Rumah Kedai 2 Tingkat Dan 10 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat Di Lot 3582 (GM 2221) Lot Lama 1652 (GM 1421), Mukim Arau.	Pegangan Bebas	MMKN 584/2004 Tidak dinyatakan kuota Bumiputera	• Bumiputera - 4 • Bukan Bumiputera - 17 • Pemaju - 4
4	Premier Homes Sdn. Bhd.	PTG.Ps 01B/201	Cadangan Projek Perumahan 13 Lot: i) 12 Lot Rumah Berkembar 2 Tingkat; ii) 1 Lot Rumah Banglo 2 Tingkat Di Atas Tanah Lot No. PT 3634 (HSD 4986, Lot Baru PT 5854 Hingga PT 5866 HSD 8372 Hingga HSD 8384), Mukim Kuala Perlis, Perlis.	Tanah Rizab Melayu (pemilik Bukan Melayu)	MMKN 418/2007 40% - Bumiputera 60% - Bukan Bumiputera	• Bumiputera - 0 • Bukan Bumiputera - 13
5	Encomas Sdn. Bhd.	PTG.Ps 01A/1076	Cadangan Projek Mendirikan 19 Unit Kedai/Pejabat Dua Tingkat Di Atas Sebahagian Lot Lot 253 (GM 057) Di Alor Lanchang, Mukim Jejawi, Perlis.	Tanah Rizab Melayu (pemilik Melayu)	MMKN 418/2008 100% Bumiputera	• Bumiputera - 16 • Bukan Bumiputera - 3

Sumber: Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis

2.4.2.4. Keadaan demikian berlaku disebabkan ketiadaan agensi pemantau yang bertanggungjawab dan tiada Garis Panduan berhubung pematuhan terhadap kuota Bumiputera serta tiada endorsan sekatan kepentingan dalam dokumen hak milik tanah untuk lot Bumiputera. Akibatnya, tujuan dan objektif dasar pemilikan kuota Bumiputera Kerajaan Negeri dan hak kepentingan Bumiputera tidak terpelihara.

2.4.2.5. Maklum balas UPKT semasa Exit Conference pada 15 Mac 2016, UPKT memaklumkan SPKP yang mula beroperasi pada bulan Januari 2014 hanya bertanggungjawab memantau dan menyelia maklumat berkenaan kuota Bumiputera bagi projek pembangunan yang diluluskan Kebenaran Merancang mulai dari tahun 2014 sahaja.

Pada pendapat Audit, pengurusan dan kawalan kuota Bumiputera kurang memuaskan disebabkan berlaku pelanggaran terhadap ketetapan MMKN oleh pemaju.

2.4.3. Pelepasan Lot Kuota Bumiputera Mengikut Peraturan Ditetapkan

2.4.3.1. Mengikut Garis Panduan Syarat-Syarat Bukan Teknikal Pembangunan Perumahan Negeri Perlis telah menetapkan supaya lot rumah/kedai kuota Bumiputera yang tidak dapat dijual oleh pemaju boleh memohon untuk pelepasan lot kuota Bumiputera setelah ianya siap dibina dan tawaran/promosi telah dilakukan secara meluas untuk tempoh 2 tahun termasuk mengiklankan dalam akhbar/media nasional selama tidak kurang dari 2 minggu.

2.4.3.2. Bagi tempoh 2014 hingga 2015, tiada kes pelepasan lot kuota Bumiputera di Negeri Perlis. Bagaimanapun, terdapat satu kes pelepasan lot kuota Bumiputera pada tahun 2012 yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri menerusi MMKN 454/2012, iaitu menukar 5 lot rumah kedai kuota Bumiputera kepada Bukan Bumiputera di Projek Pembangunan Taman Pauh Indah Fasa 2, Mukim Kurong Anai, Arau yang keseluruhannya melibatkan pembinaan sejumlah 98 lot rumah kediaman dan 15 lot rumah kedai.

2.4.3.3. Semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri telah berpuas hati dengan langkah-langkah yang diambil oleh pemaju sejak tahun 2003 bagi membolehkan lot kuota Bumiputera berkenaan dijual kepada Bukan Bumiputera.

Pada pendapat Audit, pengurusan pelepasan lot kuota Bumiputera adalah baik.

2.4.4. Endorsan Sekatan Kepentingan Bagi Lot Bumiputera Pada Rekod Hak Milik Tidak Dibuat

2.4.4.1. Kerajaan Negeri menerusi MMKN 70/2013 menghendaki PTG membuat pengendorsan Pengisytiharan Rizab Melayu atau Lot Untuk Bumiputera di dalam dokumen hak milik tanah bagi setiap lot yang dibeli atas kuota Bumiputera.

2.4.4.2. Semakan Audit mendapati hanya 183 daripada 543 lot kuota Bumiputera yang telah diendorskan sebagai Lot Untuk Bumiputera dalam dokumen hak milik tanah di PTG, manakala baki 360 lot lagi tidak diendorskan. Semakan terhadap Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja Bahagian Pendaftaran Hak Milik di PTG mendapati tiada Prosedur Operasi Standard (SOP) disediakan berkaitan Proses Kerja pengendorsan lot kuota Bumiputera

ini. Ketiadaan endorsan sekatan kepentingan pada dokumen hak milik tanah menyebabkan proses pindah milik bagi lot kuota Bumiputera tidak dapat dikawal semasa urusan penukaran hak milik berlaku.

2.4.4.3. Maklum balas PTG semasa Exit Conference pada 15 Mac 2016, PTG memaklumkan semua lot perumahan kuota Bumiputera diendors sebagai Lot Untuk Bumiputera di dalam dokumen hak milik tanah mulai tahun 2014 apabila premium tukar syarat dan pecah sempadan tanah dijelaskan oleh pemaju.

Pada pendapat Audit, kawalan terhadap dokumen hak milik Lot Untuk Bumiputera adalah tidak memuaskan kerana sebahagian besar tidak diendorskan sekatan dalam dokumen hak milik tanah.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan kuota Bumiputera bagi projek perumahan swasta dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

2.5.1. Seksyen Pendaftaran Kuota Perumahan Dan Bangunan Bumiputera, Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan perlu mewujudkan daftar utama yang lengkap merangkumi maklumat pendaftaran, jualan, baki dan pelepasan unit kuota Bumiputera bagi setiap projek perumahan swasta yang dibangunkan bagi membolehkan prestasi pemilikan kuota Bumiputera dapat diukur.

2.5.2. Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis perlu memantau dan menguatkuasakan sepenuhnya sekatan kepentingan lot kuota Bumiputera pada dokumen hak milik tanah terbabit.

3. RUMPUN TERAS SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Rumpun Teras Sdn. Bhd. (RTSB) yang ditubuhkan pada 9 April 1996 merupakan syarikat milik 100% Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (Perbadanan) dengan modal dibenarkan berjumlah RM500,000 dan modal berbayar berjumlah RM150,000. Ia selaras dengan keputusan Lembaga Pengarah Perbadanan (Lembaga) pada tahun 1993 untuk menjalankan perniagaan stesen minyak.

3.1.2. Aktiviti perniagaan utama RTSB adalah sebagai pengusaha stesen minyak. RTSB memulakan perniagaan secara usaha sama dengan ekuiti sebanyak 60:40 menerusi syarikat Perlis Property Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Perbadanan, dengan sebuah syarikat milik persendirian, Alternatif Command Sdn. Bhd.. Pada 1 Disember 1998, Perbadanan mengambil alih sepenuhnya RTSB daripada pegangan Perlis Property Sdn. Bhd. dan Alternatif Command Sdn. Bhd.. RTSB juga bertindak sebagai Perunding Kejuruteraan kepada Perbadanan sehingga tahun 2010.

3.1.3. RTSB mempunyai 3 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri manakala 2 orang Pengarah mewakili Perbadanan. Pengurusan aktiviti RTSB diketuai oleh seorang Pengurus dan dibantu oleh 10 orang pekerja iaitu masing-masing seorang Penyelia Stesen, Kerani Akaun (Stok), Pembantu Stok, Pam Atendan dan 6 orang juruwang.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan RTSB adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2013 hingga 2015. Analisis kewangan bagi tempoh 3 tahun dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2012 hingga 2014. Pengauditan dijalankan dengan meneliti Memorandum dan Artikel Syarikat, Akta Syarikat 1965, Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah, fail, rekod serta dokumen yang berkaitan dengan pengurusan RTSB. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga diadakan dengan pegawai RTSB dan pemeriksaan fizikal aset serta peralatan turut dijalankan. *Exit Conference* bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Pengurus RTSB, Pengurus Kewangan Perbadanan, Ketua Unit Audit Dalam Perbadanan serta pegawai telah diadakan pada 8 Mac 2016.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2015 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat RTSB adalah memuaskan. RTSB telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai 3 tahun berturut-turut bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 masing-masing berjumlah RM108,951, RM191,562 dan RM122,536. Keuntungan terkumpul pada tempoh yang sama juga turut meningkat.

3.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menentukan prestasi kewangan RTSB, analisis trend dan analisis nisbah telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Hasil analisis kewangan adalah seperti berikut:

3.4.1.1. Analisis Trend


- a. Maklumat kewangan RTSB, pendapatan, perbelanjaan, keuntungan sebelum cukai dan keuntungan terkumpul RTSB bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014 adalah seperti **Jadual 3.1**, **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.

Jadual 3.1
Maklumat Kewangan RTSB Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014

Butiran	Tahun Kewangan		
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Pendapatan	18.20	20.26	19.24
Kos Jualan	-17.60	-19.53	-18.45
Untung Kasar	0.60	0.73	0.79
Lain-lain Pendapatan Operasi	0.00	0.00	0.00
Perbelanjaan Operasi Dan Pentadbiran	-0.49	-0.54	-0.67
Keuntungan Sebelum Cukai	0.11	0.19	0.12
Cukai	0.02	0.04	0.03
Keuntungan Selepas Cukai	0.09	0.15	0.09
Pembayaran Dividen	0.02	0.03	0.04
Keuntungan Terkumpul	0.59	0.71	0.76


Sumber: Penyata Kewangan RTSB

Carta 3.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan
Keuntungan Terkumpul Bagi Tahun
2012 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan RTSB

Carta 3.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan RTSB

- b. Keuntungan Sebelum Cukai RTSB meningkat sejumlah RM82,611 atau 75.8% daripada RM108,951 pada tahun 2012 kepada RM191,562 pada tahun 2013 dan kembali menurun sejumlah RM69,026 atau 36.0% kepada RM122,536 pada tahun 2014.
- c. Keuntungan Terkumpul RTSB meningkat selama 3 tahun berturut-turut iaitu sejumlah RM125,191 atau 21.2% daripada RM589,354 pada tahun 2012 kepada RM714,545 pada tahun 2013 dan seterusnya sejumlah RM51,417 atau 7.2% kepada RM765,962 pada tahun 2014. Peningkatan dan penurunan pendapatan ini kesan daripada perubahan harga minyak serta prestasi jualan barang-barang *Mart*.
- d. Pendapatan utama RTSB diperoleh daripada jualan minyak petrol RON 95, diesel dan jualan barangan *Mart* yang berjumlah RM18.20 juta, RM20.26 juta dan RM19.24 juta masing-masing pada tahun 2012, 2013 dan 2014. Analisis Audit mendapati, RTSB mencatatkan peningkatan pendapatan berjumlah RM2.06 juta atau 11.3% pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 manakala penurunan pendapatan berjumlah RM1.02 juta atau 5.0% pada tahun 2014 berbanding tahun 2013.
- e. Perbelanjaan RTSB yang terdiri daripada kos jualan, kos kakitangan, susut nilai dan lain-lain perbelanjaan operasi yang meningkat sejumlah RM1.99 juta atau 11.0% daripada RM18.09 juta pada tahun 2012 kepada RM20.07 juta pada tahun 2013 manakala pada tahun 2014 menurun sebanyak RM0.95 juta atau 4.7% kepada RM19.12 juta. Peningkatan kos jualan, pembayaran insentif kakitangan, kenaikan gaji kakitangan serta kenaikan dalam pembayaran KWSP dan SOCSO antara faktor menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan RTSB pada tahun 2013. Peningkatan kos kakitangan adalah kesan daripada kenaikan gaji yang dilaksanakan

oleh RTSB berkuat kuasa 1 Januari 2013, ekoran Arahan Perintah Gaji Minimum 2012 oleh Kerajaan. Faktor utama penurunan perbelanjaan pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 adalah disebabkan kawalan oleh RTSB yang menyekat penjualan minyak petrol RON 95 kepada penyeludup yang menjurus kepada penurunan kos jualan berjumlah RM1.08 juta atau 5.5%.

3.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan RTSB, analisis nisbah kewangan telah dijalankan melibatkan analisis Nisbah Semasa, Margin Keuntungan, Nisbah Pulangan Ke Atas Aset dan Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan tahun 2012 hingga 2014. Hasil Analisis Nisbah Kewangan adalah seperti **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Analisis Nisbah Kewangan RTSB Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2012	2013	2014
1	Nisbah Semasa	4.88:1	4.25:1	17.82:1
2	Margin Keuntungan	0.5%	0.8%	0.5%
3	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.11:1	0.17:1	0.12:1
4	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.11:1	0.19:1	0.13:1

Sumber: Jabatan Audit Negara

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat membayar hutang jangka pendek. Secara umumnya, semakin tinggi nisbah, semakin baik kecairan syarikat. Kedudukan nisbah antara aset semasa dengan liabiliti semasa pada kadar 2:1 menunjukkan kecairan yang tinggi. Analisis Audit mendapati kadar kecairan RTSB bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah baik dengan kadar nisbah di antara 4.25:1 hingga 17.82:1 yang menunjukkan RTSB mempunyai kemampuan untuk menukar segera aset semasa kepada tunai bagi membayar hutang jangka pendeknya.

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan digunakan bagi mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit menunjukkan RTSB memperoleh kenaikan dalam Margin Keuntungan iaitu dari 5 sen pada tahun 2012 kepada 8 sen pada tahun 2013 bagi setiap ringgit hasil pendapatan yang direkodkan. Bagaimanapun, pada tahun 2014, Margin Keuntungan RTSB telah kembali menurun kepada 5 sen. Secara

keseluruhannya, Margin Untung Bersih RTSB adalah baik dengan mengambil kira jenis perniagaan yang diusahakan.

c. Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pendapatan yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat mengurus asetnya. Analisis Audit bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014 mendapati Nisbah Pulangan Atas Aset RTSB adalah memuaskan iaitu 11 sen, 17 sen dan 12 sen bagi setiap ringgit aset yang digunakan.

d. Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat mengurus modalnya. Analisis Audit mendapati Pulangan Ke Atas Ekuiti selepas cukai RTSB pada tahun 2012, 2013 dan 2014 adalah pada kadar 0.11, 0.19 dan 0.13. Ia menunjukkan, pemegang saham memperoleh pulangan pelaburan sebanyak 11 sen pada tahun 2012, 19 sen pada tahun 2013 dan 13 sen pada tahun 2014 bagi setiap RM1.00 ekuiti. Keadaan ini menunjukkan tahap kecekapan untuk menguruskan modal RTSB meningkat pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 dan kembali menurun pada tahun 2014. Ekuiti RTSB, bagaimanapun meningkat kepada RM0.77 juta pada tahun 2014 berbanding modal berbayar berjumlah RM0.15 juta. Nilai ekuiti RTSB juga semakin meningkat iaitu kepada RM5.33 sesaham pada tahun 2013 berbanding RM5.30 sesaham pada tahun 2012 dan kembali menurun kepada RM5.11 sesaham pada tahun 2014.

Pada pendapat Audit, keseluruhan prestasi kewangan RTSB adalah memuaskan.

3.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama RTSB adalah perniagaan stesen minyak dan jualan barangan *Mart*. Stesen minyak RTSB terletak di Taman Kemajuan, Jalan Raja Syed Alwi, Kangar, Perlis. Pada bulan April 2013, pengubahsuaian terhadap stesen minyak telah dijalankan selari dengan penjenamaan semula minyak yang diniagakan. Stesen minyak RTSB adalah seperti di **Gambar 3.1**.



Gambar 3.1
Stesen Minyak RTSB

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Raja Syed Alwi, Kangar
Tarikh: 15 Januari 2016

3.4.2.1. Prestasi Jualan Minyak Petrol RON 95 Dan Diesel

- a. Semakan Audit mendapati, pendapatan hasil daripada jualan minyak petrol RON 95 bagi tahun 2014 mencatatkan penurunan sejumlah RM2.60 juta atau 17.3% berbanding tahun 2013. Bagaimanapun, pendapatan bagi tahun 2012 dan 2013 meningkat sejumlah RM1.66 juta dan RM1.43 juta atau 13.9% dan 10.5% berbanding tahun sebelumnya. Prestasi jualan minyak petrol RON 95 adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Prestasi Jualan Minyak Petrol RON 95 Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Jualan (RM Juta)	Peningkatan/Penurunan Jualan Berbanding Tahun Sebelumnya (RM Juta)	Peningkatan/Penurunan Jualan Berbanding Tahun Sebelumnya (%)
2011	11.95	-	-
2012	13.61	1.66	13.9
2013	15.04	1.43	10.5
2014	12.44	-2.60	-17.3

Sumber: RTSB

- b. Penjualan minyak diesel pula menunjukkan peningkatan sejumlah RM1.28 juta atau 28.4% pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Bagaimanapun, penjualan minyak diesel pada tahun 2012 berlaku penurunan sejumlah RM1.64 juta atau 30.4% berbanding tahun 2011. Prestasi jualan minyak diesel adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Prestasi Jualan Minyak Diesel Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Jualan (RM Juta)	Peningkatan/Penurunan Jualan Berbanding Tahun Sebelumnya (RM Juta)	Peningkatan/Penurunan Jualan Berbanding Tahun Sebelumnya (%)
2011	5.39	-	-
2012	3.75	-1.64	-30.4
2013	4.51	0.76	20.3
2014	5.79	1.28	28.4

Sumber: RTSB

- c. Analisis Audit mendapati prestasi jualan minyak RON 95 dan diesel berbanding sasaran bagi tempoh tahun 2012 hingga 2013 adalah amat baik. Pada tahun 2013 dan 2014, RTSB menyasarkan jualan minyak berjumlah RM17.45 juta dan RM18.03 juta dengan pencapaian sebenar melebihi sasaran berjumlah RM19.55 juta atau 112.0% dan RM18.23 juta atau 101.1%. Butiran lengkap prestasi jualan minyak berbanding sasaran bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Prestasi Jualan Minyak Petrol RON 95 Dan Diesel Berbanding Sasaran
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Jualan Minyak	2012			2013			2014		
	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Prestasi (%)	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Prestasi (%)	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Prestasi (%)
Petrol RON 95	14.25	13.61	95.5	14.27	15.04	105.4	13.03	12.44	95.5
Diesel	3.87	3.75	96.9	3.18	4.51	141.8	5.00	5.79	115.8
Jumlah	18.12	17.36	95.8	17.45	19.55	112.0	18.03	18.23	101.1

Sumber: RTSB

3.4.2.2. Pengurusan Jualan Minyak Dan Barangan *Mart*

a. Kehilangan/Kekurangan Kutipan Wang Berbanding Jualan (*Shortage*)

Berdasarkan *Shortage Report Sale* bagi tempoh bulan Januari hingga November 2015, RTSB telah mencatatkan kekurangan kutipan wang jualan berjumlah RM4,641 bagi jualan minyak dan barangan *Mart* RTSB melibatkan 15 orang pekerja seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Jumlah *Shortage* Berdasarkan *Shortage Report Sale*
Bagi Bulan Januari Hingga November 2015

Bil.	Nama Kakitangan	Jumlah <i>Shortage</i> (RM)
1	Amir Husaini bin Mohamad	855.63
2	Mohd. Azrin Shukiran bin Abd. Ghani	628.23
3	Sartini bt. Md. Saad	537.23
4	Nor Hasirawani bt. Abu Bakar	523.50
5	Mohd. Khairul Amer bin Hakime	501.89
6	Hanissaizura bt. Ruslan	468.55
7	Hanaff bin Alias	463.06
8	Nor Fateha bt. Mohamad Raudzi	407.20
9	Mohd Afif Zakuan bin Zakeri	76.44
10	Shikhheri bin Kasim	72.02
11	Gani bin Kasa	57.48
12	Mohd. Akmal Aliff bin Hamzah	19.89
13	Mohd. Firdaus bin Abdul Rahim	15.09
14	Aizat Hizami Emir bin Hasmadi	9.00
15	Mimi Soraya bt. Mansor	5.94
Jumlah		4,641.15

Sumber: RTSB

b. Penyelenggaraan Rekod *Shortage* Jualan Minyak

- i. RTSB menyelenggara 3 jenis rekod iaitu *Shortage Report Sales*, Buku *Shortage* dan Rekod *Staff Shortage*. Jika berlaku perbezaan, jumlah tersebut akan disiasat dan kenal pasti punca perbezaan. Juruwang dipertanggungjawabkan untuk menyelenggara ketiga-tiga rekod berkenaan untuk tujuan berikut:
 - *Shortage Report Sales* - untuk menyesuaikan hasil jualan minyak petrol RON 95, minyak diesel dan barangan *Mart* dengan jumlah tunai di tangan, jumlah pembayaran menerusi kad kredit, tunai, *Fleet Card*, *Fuel Credit* dan penebusan ganjaran.
 - Buku *Shortage* – untuk mencatat *shortage* kutipan dan dilengkapi dengan maklumat berkaitan jumlah *shortage*, tarikh transaksi dan juruwang yang bertanggungjawab.
 - Rekod *Staff Shortage* – untuk mengenal pasti baki *shortage* yang masih tertunggak. Ia mengandungi maklumat *Shortage Report Sales*, jumlah potongan gaji dan jumlah *shortage* mengikut juruwang.
- ii. Semakan Audit mendapati jumlah *shortage* yang direkodkan dalam *Shortage Report Sales*, Buku *Shortage* dan Rekod *Staff Shortage* adalah berbeza antara satu sama lain, masing-masing berjumlah RM5,227, RM2,913 dan RM4,120. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan maklumat mana yang lebih tepat. Maklumat terperinci perbezaan tersebut adalah seperti **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Perbezaan Jumlah *Shortage* Di Antara *Shortage Report Sales*, Buku *Shortage* Dan Rekod *Staff Shortage* Bagi Tempoh Bulan Januari Hingga Oktober 2015

Bulan	<i>Shortage Report Sales</i> (RM)	Buku <i>Shortage</i> (RM)	Rekod <i>Staff Shortage</i> (RM)	Perbezaan <i>Shortage</i> Antara <i>Report</i> /Buku (RM)		
	(a)	(b)	(c)	(a) – (b)	(a) – (c)	(b) – (c)
Januari	1,622.45	610.00	708.41	1,012.45	914.04	-98.41
Februari	206.23	147.00	206.45	59.23	-0.22	-59.45
Mac	399.59	274.00	399.60	125.59	-0.01	-125.60
April	402.41	302.00	403.81	100.41	-1.40	-101.81
Mei	636.33	487.00	633.34	149.33	2.99	-146.34
Jun	466.28	284.00	469.73	182.28	-3.45	-185.73
Julai	353.55	245.00	353.52	108.55	0.03	-108.52
Ogos	535.16	267.00	383.25	268.16	151.91	-116.25
September	190.43	76.00	189.45	114.43	0.98	-113.45
Oktober	415.04	221.00	372.53	194.04	42.51	-151.53
Jumlah	5,227.47	2,913.00	4,120.09	2,314.47	1,107.38	-1,207.09

Sumber: RTSB

c. **Tunggakan *Shortage* Melibatkan Pekerja RTSB Yang Telah Berhenti Kerja Dan Meninggal Dunia**

Shortage hendaklah dikutip dengan segera selaras dengan peraturan RTSB iaitu menerusi potongan gaji pada bulan berikutnya. Kegagalan membuat kutipan akan menyebabkan RTSB mengalami kekurangan kutipan hasil. Sehingga bulan Oktober 2015, tunggakan *shortage* berjumlah RM1,462. Sejumlah RM896 melibatkan kakitangan RTSB yang masih bekerja manakala RM566 melibatkan kakitangan yang telah berhenti kerja dan yang telah meninggal dunia.

- d. **Maklum balas RTSB semasa *Exit Conference* pada 8 Mac 2016, RTSB memaklumkan akan memantau perkara ini daripada terus berlaku. *Standard Operating Procedure* (SOP) akan dikaji semula untuk meningkatkan kawalan dalaman pengurusan wang tunai. *Shortage* berlaku disebabkan kesilapan dan kelalaian pekerja dalam pengurusan jualan. Hapus kira akan dibuat terhadap tunggakan *shortage* bagi pekerja yang telah berhenti kerja dan meninggal dunia setelah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.**

3.4.2.3. Pengurusan Barangan *Mart* – Kedai Treats

Barangan *Mart* yang dijual di Kedai Treats merupakan barangan serbaneka yang terdiri daripada barangan asas penjagaan rumah, penjagaan kereta, rokok dan pelbagai jenis makanan ringan serta minuman seperti di **Gambar 3.2** dan **Gambar 3.3**.

Gambar 3.2
Kedai Treats Di Stesen Minyak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stesen Minyak RTSB
Tarikh: 15 Januari 2016

Gambar 3.3
Kedai Treats Di Stesen Minyak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stesen Minyak RTSB
Tarikh: 15 Januari 2016

- a. Analisis Audit terhadap maklumat jualan barangan *Mart* bagi tempoh tahun 2012 dan 2013 mendapati hasil jualan barangan *Mart* pada tahun 2012 dan 2013 adalah baik. Pencapaian pada tahun 2012 dan 2013 adalah masing-masing 96.3% dan 88.9% manakala pada tahun 2014 adalah 148.5% melebihi sasaran seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Prestasi Jualan Barangan *Mart* Berbanding Sasaran
Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Jualan Barangan <i>Mart</i>		
	Sasaran (RM Juta)	Jualan (RM Juta)	Prestasi (%)
2012	0.81	0.78	96.3
2013	0.81	0.72	88.9
2014	0.68	1.01	148.5

Sumber: RTSB

- b. Semakan Audit terhadap pengurusan stor pula mendapati beberapa kelemahan dalam kawalan stor RTSB seperti berikut:
- i. Pengeluaran stok barangan tidak direkodkan mengakibatkan berlaku perbezaan jumlah antara barang yang telah dijual dengan jumlah stok barang yang dikeluarkan dari stor. Perbezaan terhadap 5 sampel barangan adalah seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9
Perbezaan Jumlah Antara Barangan Jualan Dengan Stok Yang Dikeluarkan
Bagi Tempoh 1 Ogos 2015 Hingga 31 Oktober 2015

Bil.	Tempoh Analisis		Jenis Barangan Jualan	Kuantiti (Unit)		Jumlah (RM)		
				Sales Report	Stock Take Report	Sales Report	Stock Take Report	Jumlah Perbezaan
1	1.8.2015	31.8.2015	Rokok Dunhill 20	1,068	1,263	14,738.40	17,429.40	-2,691.00
	1.9.2015	30.9.2015		1,106	958	15,262.80	13,220.40	2,042.40
	1.10.2015	31.10.2015		1,162	1,182	16,035.60	16,311.60	-276.00
2	1.8.2015	31.8.2015	2 Autolube JSO	10	11	145.00	159.50	-14.50
	1.9.2015	30.9.2015		10	16	145.00	232.00	-87.00
	1.10.2015	31.10.2015		8	9	116.00	130.50	-14.50
3	1.8.2015	31.8.2015	2T Powerburn	3	3	46.50	46.50	0.00
	1.9.2015	30.9.2015		2	8	31.00	124.00	-93.00
	1.10.2015	31.10.2015		5	6	77.50	93.00	-15.50
4	1.8.2015	31.8.2015	Cactus Air Mineral	476	535	523.60	588.50	-64.90
	1.9.2015	30.9.2015		474	694	521.40	763.40	-242.00
	1.10.2015	31.10.2015		482	492	530.20	541.20	-11.00
5	1.8.2015	31.8.2015	100 Plus 500ml	269	324	484.20	583.20	-99.00
	1.9.2015	30.9.2015		261	236	469.80	424.80	45.00
	1.10.2015	31.10.2015		249	255	597.60	612.00	-14.40

Sumber: RTSB

- ii. Antara kelemahan lain dalam pengurusan stor yang ditemui ialah kad stok tidak diselenggara, pegawai penerima barang tidak dilantik, pemeriksaan dan verifikasi stok tidak pernah dijalankan dan susun atur ruang stor tidak teratur di mana stok barangan tidak disusun mengikut jenis yang sama seperti di **Gambar 3.4** dan **Gambar 3.5**.

Gambar 3.4
Stok Minuman Tidak Disimpan
Mengikut Jenis Yang Sama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stesen Minyak RTSB
Tarikh: 24 November 2015

Gambar 3.5
Keadaan Stor Barang
Yang Tidak Disusun Dengan Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stesen Minyak RTSB
Tarikh: 24 November 2015

- c. **Maklum balas RTSB semasa Exit Conference pada 8 Mac 2016, RTSB memaklumkan telah menyediakan Kad Stok bagi beberapa barangan jualan utama, melantik Pegawai Penerima dan menyusun kemas ruang stor adalah seperti di Gambar 3.6 dan Gambar 3.7. RTSB akan meningkatkan lagi kawalan dalaman terimaan dan keluaran stok barangan jualan.**

Gambar 3.6
Stok Minuman Yang
Telah Disusun Dengan Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stesen Minyak RTSB
Tarikh: 23 Mac 2016

Gambar 3.7
Keadaan Stor Barang
Yang Telah Disusun Dengan Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stesen Minyak RTSB
Tarikh: 23 Mac 2016

Pada pendapat Audit, prestasi keseluruhan pengurusan aktiviti RTSB adalah memuaskan.

3.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir Urus Korporat yang baik dapat membantu organisasi mempertingkatkan kecekapan dan membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memperkenalkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia tahun 2000 yang dikemas kini pada tahun 2007. Kod ini menekankan beberapa prinsip dan

amalan terbaik, antaranya penstrukturan, bidang kuasa, komposisi dan ganjaran Lembaga Pengarah serta aspek akauntabiliti syarikat. Semakan Audit terhadap pengurusan Tadbir Urus Korporat RTSB mendapati perkara berikut:

3.4.3.1. Rancangan Korporat

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menghendaki syarikat menyediakan rancangan korporat dan menetapkan strategi bagi menentukan hala tuju syarikat dan merangka strategi pelaksanaan bagi mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Ia mengandungi visi, misi, nilai korporat, analisis persekitaran, petunjuk prestasi, inisiatif syarikat dan projek yang dirancang dan sedang dilaksanakan. Ianya hendaklah selaras dengan objektif penubuhan syarikat dan perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati perancangan serta strategi RTSB untuk menambah pendapatan RTSB ada dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah RTSB.

3.4.3.2. Lembaga Pengarah

- a. Mengikut Amalan Terbaik, setiap Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik hendaklah diberi surat pelantikan yang menjelaskan fungsi serta tanggungjawab yang perlu dijalankan oleh setiap Ahli agar setiap Ahli Lembaga Pengarah memberi perhatian secukupnya kepada tanggungjawab teras selain memberi tumpuan kepada perkara penting agar dapat berperanan dengan lebih aktif dan berkesan.
- b. Semakan Audit mendapati Perbadanan telah menyediakan secara khusus dan bertulis peranan serta mandat yang perlu dilaksanakan oleh setiap Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik menerusi Terma Rujukan Lembaga Pengarah Perbadanan dan Anak Syarikat Kumpulan. Terma Rujukan tersebut telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan yang diadakan pada bulan Mei 2014.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2012, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak 4 kali, pada tahun 2013 sebanyak 4 kali manakala pada tahun 2014 sebanyak 3 kali. Pada tahun 2015, Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak 4 kali iaitu 31 Mac 2015, 22 Jun 2015, 23 Oktober 2015 dan 10 Disember 2015.

3.4.3.3. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

- a. Garis Panduan dan Prosedur Kerja Standard (SOP) merupakan dokumen utama menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh syarikat bertujuan menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat serta dijadikan asas rujukan kakitangan syarikat.

- b. Semakan Audit mendapati RTSB ada menyediakan Polisi Dan Prosedur Pengurusan Kewangan, Polisi Dan Garis Panduan Pentadbiran Perolehan, Peraturan Kakitangan dan Buku Panduan Pekerja Anak Syarikat Kumpulan Perbadanan yang perlu dipatuhi oleh semua kakitangannya. Semakan juga mendapati RTSB menerima pakai Amalan Terbaik Peruncit iaitu *Retail Site Operating Manual* sebagai garis panduan dan prosedur kerja dalam pengurusan stesen minyak. Selain itu, RTSB juga tertakluk kepada peraturan berhubung kakitangan menerusi Buku Panduan Pekerja Anak Syarikat Kumpulan Perbadanan yang berkuat kuasa.

3.4.3.4. Key Performance Indicator (KPI)

Buku Biru – *Intensifying Performance Management* menyatakan syarikat Kerajaan perlu menyediakan KPI selaras dengan strategi syarikat. Pencapaian terhadap KPI hendaklah dilaporkan setiap 6 bulan sekali. Semakan Audit mendapat RTSB tidak menyediakan KPI secara khusus. Sasaran RTSB disediakan menerusi bajet yang diluluskan pada setiap tahun serta cadangan dan perbincangan yang dibuat dalam mesyuarat Lembaga Pengarah RTSB.

3.4.3.5. Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham

Semakan Audit mendapati RTSB telah membuat pembayaran dividen kepada Perbadanan pada tahun 2012, 2013 dan 2014 masing-masing berjumlah RM15,000, RM30,000 dan RM45,000. Cadangan tersebut telah dibentang dan diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah Perbadanan dan Pihak Berkuasa Negeri.

3.4.3.6. Bayaran Bonus/Insentif Kepada Kakitangan Dan Lembaga Pengarah

Semakan Audit mendapati RTSB telah membuat pembayaran bonus/insentif kepada kakitangan dan Lembaga Pengarah RTSB pada tahun 2012, 2013 dan 2014 masing-masing berjumlah RM37,040, RM34,242 dan RM10,146. Pembayaran bonus dan insentif ini telah dibincangkan dan diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah Perbadanan dan Pihak Berkuasa Negeri. Lembaga Pengarah Perbadanan kemudiannya telah membuat keputusan bahawa Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif tidak lagi menerima bayaran bonus mulai tahun 2014.

3.4.3.7. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan/Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menghendaki Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan syarikat. Semakan Audit mendapati Unit Audit Dalam Perbadanan telah diberi peranan untuk menjalankan pengauditan terhadap kesemua anak syarikat miliknya. Unit Audit Dalam Perbadanan telah membuat pemeriksaan terhadap RTSB sebanyak 2 kali iaitu pada bulan Oktober 2014 dan Ogos 2015. Semakan dilakukan terhadap pengurusan Panjar Wang Runcit, baucar bayaran, proses pembelian rokok, bayaran melalui Sistem *E-Pay* dan pemeriksaan wang tunai di kaunter.

3.4.3.8. Pengurusan Kewangan

Semakan dan pemeriksaan Audit mendapati antara aspek kawalan pengurusan kewangan RTSB yang tidak dipatuhi adalah seperti berikut:

- a. Surat penurunan kuasa untuk menjalankan tugas-tugas kewangan tidak dikeluarkan kepada kakitangan yang bertanggungjawab.
- b. RTSB tidak menyelenggara Daftar Stok Resit Rasmi untuk merekodkan terimaan dan pengeluaran stok Resit Rasmi.
- c. Kutipan tunai tidak dimasukkan ke dalam bank dengan segera.
- d. Pengasingan tugas-tugas kewangan tidak dibuat. Pekerja yang membuat jualan dan menerima wang juga bertanggungjawab menyediakan *Reports Sales* secara manual dan menyesuaikan jumlah jualan dengan kutipan.
- e. Pembayaran tidak dibuat dengan menggunakan cek berpaling. Bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Oktober 2015, sejumlah RM2.60 juta telah dibayar secara tunai untuk pembelian barang-barang *Mart*, elaun perjalanan kakitangan, duit raya, gaji pekerja sambilan, bonus, penyenggaraan letrik dan jamuan hari raya.
- f. Baucar Bayaran untuk tuntutan elaun perjalanan, pembayaran bonus dan duit raya serta pembayaran gaji pekerja sementara tidak disertakan bersama dengan dokumen sokongan yang lengkap.
- g. Stok barang jualan *Mart* tidak diperiksa dan di verifikasi secara berkala.
- h. **Maklum balas RTSB semasa Exit Conference pada 8 Mac 2016, RTSB memaklumkan telah dan akan mengambil tindakan seperti berikut:**
 - i. **Surat penurunan kuasa dan pengasingan tugas-tugas kewangan telah disediakan serta dilaksanakan.**
 - ii. **Daftar Stok Resit Rasmi telah disediakan.**
 - iii. **Kutipan tunai telah dimasukkan ke dalam bank 2 kali sehari.**
 - iv. **Semua pembayaran telah dibuat dengan menggunakan cek berpaling.**
 - v. **Panjar Wang Runcit telah disediakan untuk pembelian secara tunai.**

vi. Semua Baucar Bayaran telah dilengkapkan dengan dokumen sokongan.

vii. Pemeriksaan stok akan dibuat secara berkala.

Pada pendapat Audit, prestasi keseluruhan Tadbir Urus Korporat RTSB adalah memuaskan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan prestasi syarikat, Pengurusan Rumpun Teras Sdn. Bhd. (RTSB) disyorkan supaya meningkatkan kawalan terhadap pengurusan wang tunai syarikat.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN

JABATAN/AGENSI

NEGERI

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4.1. PENDAHULUAN

4.1.1. Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

4.1.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Di bawah kriteria pengauditan pematuhan, semakan dibuat untuk menilai sama ada dalam pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

4.2. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

Pada tahun 2015, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

4.2.1. Perbendaharaan Negeri telah mengadakan 2 sesi taklimat/bengkel berkenaan penyediaan Tuntutan Perjalanan kepada pegawai pelbagai gred jawatan.

4.2.2. Pejabat Perbendaharaan Negeri mengambil Yayasan Islam Perlis sebagai Anak Angkat untuk diberi bimbingan dalam pengurusan kewangan.

4.2.3. Arahan dikeluarkan oleh Bendahari Negeri melalui Surat Pekeliling Bendahari Negeri Bil. 1 Tahun 2015 berkenaan penutupan Akaun Bulanan Tahun 2015, Surat Pekeliling Bendahari Negeri Bil. 2 Tahun 2015 berkenaan Peraturan Penutupan Akaun Akhir Tahun Kewangan 2015 dan Surat Pekeliling Bendahari Negeri Bil. 3 Tahun 2015 berkenaan Tarikh Dan Peraturan Pembayaran Gaji Bulanan Tahun 2016.

4.2.4. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis telah menghantar pegawai menghadiri Bengkel Tatacara Pengurusan Aset dan Seminar Perakaunan.

4.3. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

4.3.1. Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, aspek pengurusan kewangan yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Manakala bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula, selain dari aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

4.3.2. Bermula pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dengan memberi penarafan 4 bintang kepada Agensi Kerajaan yang cemerlang. Setiap aspek yang diperiksa/dinilai itu akan diberi markah dan akhirnya Jabatan/Agensi yang dinilai akan ditentukan penarafan (*ranking*) berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperolehi. Bagi memenuhi keperluan semasa Sektor Awam di samping memberi penilaian yang setara dengan penarafan oleh Agensi lain, Jabatan Audit Negara telah menaikkan penarafan Cemerlang daripada 4 bintang kepada 5 bintang mulai tahun 2015 seperti di **Jadual 4.1** berbanding dengan 4 bintang pada 2014 seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.1
Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 – 100	Cemerlang	
80 – 89.9	Baik	
70 – 79.9	Memuaskan	
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 4.2
Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2014

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 – 89.9	Baik	
50 – 69.9	Memuaskan	
49.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.4. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- 4.4.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 4.4.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap elemen pengurusan, bajet, terimaan, perolehan, perbelanjaan, amanah dan deposit, aset dan stor, kenderaan, pelaburan dan pinjaman serta penyata kewangan.
- 4.4.3. Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 4.4.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

4.5. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pada tahun 2015, pengauditan telah dijalankan di 7 Jabatan/Agensi Negeri terdiri daripada 4 Jabatan dan 3 Agensi Negeri. Semua Jabatan/Agensi Negeri tersebut dipilih berdasarkan pusingan 3 tahun kecuali Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang wajib diaudit setiap tahun. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2015 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2014 bagi menentukan kedudukan prestasi kewangan 3 Agensi Negeri yang terlibat secara menyeluruh.

4.6. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 4 Jabatan Negeri adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 8 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit; Pengurusan Aset Dan

Stor dan Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Bagi 3 Agensi Negeri, selain daripada 8 kawalan di atas (tidak termasuk Pengurusan Perolehan dan Pengurusan Kenderaan Kerajaan), kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan juga turut dibuat. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

4.6.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

4.6.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubungan kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

4.6.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

4.6.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agensi Kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan (1PP) Tadbir Urus Kewangan (PS) 5.1 menetapkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

Mengikut 1PP PS 3.1 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam

kepada Ketua Eksekutif masing-masing selewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat JPKA dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

4.6.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

4.6.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/pencapaian bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

4.6.2.1. Penyediaan Bajet

Garis Panduan penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2015 dikeluarkan oleh Pegawai Kewangan Negeri Perlis menerusi Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 1 Tahun 2014. Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

4.6.2.2. Pengagihan Peruntukan

Mengikut 1PP Pengurusan Belanjawan (PB) 1.2 menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

4.6.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

4.6.2.4. Pemantauan Kemajuan/Pencapaian Projek

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemaskinikan dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

4.6.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

4.6.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

4.6.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

4.6.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

4.6.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Dalam Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke dalam bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke dalam bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke dalam bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke dalam bank.

4.6.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri; ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

4.6.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara penyelenggaraan dan pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh kerajaan melalui 1PP WP 10.6 dan AP 89A. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Laporan Tunggakan Hasil atau Laporan ABT yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Laporan ABT kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

4.6.4. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi memastikan perolehan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan

saksama, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perolehan iaitu perancangan perolehan dan kaedah perolehan meliputi pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender dan kontrak.

4.6.4.1. Perancangan Perolehan

Mengikut 1PP Perolehan Kerajaan (PK) 2 menetapkan Jabatan/Agensi perlu membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah melaksanakan sesuatu perolehan. Perancangan perolehan tahunan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

4.6.4.2. Kaedah Perolehan

Mengikut 1PP Perolehan Kerajaan (PK) 2 menetapkan kaedah perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 hendaklah dilaksanakan secara Pembelian Terus dengan mendapatkan 3 tawaran harga daripada pembekal tempatan, perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 3 pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, melebihi RM50,000 hingga RM500,000 secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 5 pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan melebihi RM500,000 secara tender. Antara peraturan perolehan yang ditetapkan adalah proses penilaian, pertimbangan dan keputusan pemilihan sebut harga/tender oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan yang dilantik oleh Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal, pelaksanaan *Integrity Pact*, kontrak dibuat atas nama kerajaan dan ditandatangani dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.

4.6.5. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

4.6.5.1. Perakaunan

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

4.6.5.2. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

4.6.6. Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap wang amanah/kumpulan wang amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

4.6.6.1. Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui 1PP Wang Amanah (WP) 10.4. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan penyata tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

4.6.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut 1PP seperti berikut:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan mengikut 1PP WP 9.2 dan WP 9.3.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan mengikut 1PP WP 9.1.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan mengikut 1PP WP 3.2.
- d. Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan mengikut 1PP WP 3.3.

4.6.6.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163.

4.6.7. Pengurusan Aset Dan Stor

Perolehan aset dan barangan stor perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut:

4.6.7.1. Kawalan Umum

Mengikut 1PP Pengurusan Aset Dan Stor (AM) 1.1, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaraskan penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

4.6.7.2. Penerimaan

Mengikut 1PP AM 2.2 dan AM 6.2, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, satu salinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan pada Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan.

4.6.7.3. Pendaftaran

Mengikut 1PP AM 2.3 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

4.6.7.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- a. Mengikut 1PP AM 2.4 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- b. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.

4.6.7.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. 1PP AM 2.5 adalah berkaitan.

4.6.7.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.6, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.

- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang memberi kelulusan. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

4.6.7.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.7, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyediakan Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

4.6.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Bagi memastikan kenderaan diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP WP 4.1, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

4.6.8.1. Penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.

4.6.8.2. Penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.

4.6.8.3. Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.

4.6.8.4. Kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

4.6.8.5. Kenderaan perlu diselenggarakan secara berjadual, manakala kos penyelenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

4.6.9. Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman

4.6.9.1. Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

4.6.9.2. Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dipohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

4.6.10. Pengurusan Penyata Kewangan


Mengikut 1PP Pelaburan Strategik (PA) 3.1 dan Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis yang dikeluarkan pada bulan Januari 2009 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

4.7. PENEMUAN AUDIT

4.7.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Merujuk kepada Pekeliling Ketua Audit Negara Bil.1 Tahun 2016, setara dengan penarafan agensi lain, Jabatan Audit Negara menaikkan tahap penarafan cemerlang Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti daripada 4 bintang kepada 5 bintang. Pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti ke atas 7 Jabatan/Agensi Negeri. Hasil pengauditan tersebut mendapati tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah seperti di **Carta 4.1**, di mana 4 Jabatan/Agensi Negeri telah mendapat penarafan tahap cemerlang, satu Agensi Negeri pada tahap baik dan 2 Jabatan/Agensi Negeri pada tahap memuaskan. Tiada Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap kurang memuaskan iaitu 2 Bintang atau tahap tidak memuaskan iaitu satu Bintang. Bilangan Jabatan/Agensi yang memperoleh tahap cemerlang (5 bintang iaitu 90 markah ke atas) pada tahun 2015 adalah 4 Jabatan/Agensi berbanding 2 Jabatan/Agensi pada tahun 2014.

Carta 4.1
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2015




Sumber: Jabatan Audit Negara

4.7.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

4.7.2.1. Jabatan Negeri

- a. Semakan Audit di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis, Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis mendapati secara umumnya 2 Jabatan Negeri memperoleh tahap tidak memuaskan bagi Kawalan Terimaan atau Pengurusan Aset Dan Stor serta 1 Jabatan mendapat tahap kurang memuaskan bagi Pengurusan Perolehan. Butiran pencapaian bagi 4 Jabatan Negeri ini adalah seperti di **Carta 4.2**.

Carta 4.2
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Utama
Bagi 4 Jabatan Tahun 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Kelemahan yang ditemui berhubung Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan dan Pengurusan Aset Dan Stor adalah seperti berikut:

i. Kawalan Terimaan

- Stok resit tidak didaftarkan dalam Daftar Borang Hasil.
- Resit Rasmi tidak digunakan mengikut siri.
- Kadar kutipan hasil tidak dipamerkan.
- Kaunter Terimaan tiada ciri-ciri keselamatan.
- Daftar Mel tidak diselenggara.
- Resit Rasmi yang sah tidak digunakan.

- Buku Resit Rasmi dan Buku Tunai berkomputer tidak disemak dan ditandatangani.
- Akaun Belum Terima tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

ii. Pengurusan Perolehan

- Kajian pasaran perolehan tidak dibuat.
- Perolehan tidak melalui Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga dan Jawatankuasa Sebut Harga.
- Ahli Jawatankuasa tidak dilantik secara bertulis.
- Proses am sebut harga tidak dibuat dengan lengkap dan kemas kini.
- *Integrity Pact* tidak ditandatangani.
- Dokumen perolehan tidak disediakan untuk semakan Audit.


iii. Pengurusan Aset Dan Stor

- Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) tidak membincangkan agenda ditetapkan.
- Laporan Tahunan Aset Dan Stor tidak disediakan dan dikemukakan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri.
- Aset tidak diterima oleh Pegawai Penerima Aset yang dilantik.
- Aset lewat didaftarkan dan tidak dilabelkan.
- Kad Kawalan Stok tidak diselenggara.
- Pemeriksaan terhadap aset dan stor tidak dilaksanakan secara menyeluruh.

4.7.2.2. Agensi Negeri

- a. Semakan Audit di Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis dan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis mendapati secara keseluruhannya prestasi pengurusan kewangan 2 Agensi Negeri bertambah baik manakala 1 Agensi Negeri mengalami penurunan. Butiran pencapaian bagi 3 Agensi Negeri ini adalah seperti di **Carta 4.3**.

Carta 4.3
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Utama
Bagi 3 Agensi Tahun 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Satu Agensi Tidak Berkaitan Bagi Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit

b. Kelemahan-kelemahan yang ditemui berhubung Kawalan Bajet dan Kawalan Perbelanjaan adalah seperti berikut:

i. Kawalan Bajet

- Bajet tidak disediakan dalam tempoh ditetapkan.
- Pindah peruntukan tidak disediakan mengikut kehendak 1PP Pengurusan Belanjawan (PB) 2.6.


ii. Kawalan Perbelanjaan

- Buku Vot tidak diselenggara.
- Daftar Pembayaran Kontrak tidak diselenggara.
- Perjanjian tidak disediakan bagi kontrak bermasa.
- Penurunan kuasa tidak dibuat untuk tugas-tugas kewangan.
- Baucar Bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap.
- Dokumen sokongan pada Baucar Bayaran tidak dicap TELAH BAYAR.

4.7.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

Analisis Audit terhadap 7 Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan sekurang-kurangnya 3 kali atau lebih bagi tempoh tahun 2007 hingga 2015 mendapati tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 3 Jabatan/Agensi Negeri menunjukkan peningkatan manakala 4 Jabatan/Agensi Negeri menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelumnya. Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis dan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis mencatatkan peningkatan dalam tahap prestasi pengurusan kewangannya berbanding tahun sebelumnya, manakala Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Jabatan Perhutanan Negeri Perlis, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis mencatatkan penurunan. Kedudukan trend tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tempoh tahun 2007 hingga 2015 adalah seperti di **Carta 4.4**.

Carta 4.4
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Bagi Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2015 Berbanding Tahun Pengauditan Sebelumnya



Sumber: Jabatan Audit Negara

4.8. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

4.8.1. Pemeriksaan Audit Mengejut merupakan satu pendekatan pemeriksaan yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu kepada pihak Auditi. Semakan Audit dijalankan terhadap borang hasil dikawal, hasil, wang awam, harta awam, barang berharga yang disimpan oleh Jabatan/Agensi Negeri dan baucar bayaran bagi memastikan ia diuruskan mengikut peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta wujud pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan/Perkhidmatan. Pemeriksaan Audit mengejut dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 yang menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya.

4.8.2. Pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pemeriksaan Audit Mengejut di 2 buah Jabatan/Agensi Negeri. Hasil daripada Pemeriksaan Audit Mengejut tersebut mendapati Muzium Kota Kayang telah mematuhi semua peraturan dan prosedur utama kewangan yang ditetapkan, manakala Yayasan Islam Perlis (Unit Pajak Gadai) tidak mematuhi semua peraturan. Pengarah Yayasan Islam Perlis telah dimaklumkan berkenaan perkara ini dan telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan sewajarnya. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Pemeriksaan Audit Mengejut Pada Tahun 2015

Agensi Negeri	Penemuan Audit
Yayasan Islam Perlis (Unit Pajak Gadai)	i. Semakan tidak dibuat terhadap cetakan slip bank. ii. Notis pemberitahuan awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan. iii. Surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit tidak diperoleh untuk pengesahan. iv. Baki fizikal wang Panjar Wang Runcit tidak bersamaan dengan baki Buku Tunai Panjar Wang Runcit. v. Buku Tunai Panjar Wang Runcit tidak kemas kini. vi. Daftar barang-barang berharga tidak diselenggara. vii. Perwakilan kuasa secara bertulis tidak dibuat. viii. Daftar setem tidak diselenggara. ix. Pemeriksaan Mengejut tidak dibuat dalam tempoh 6 bulan. x. Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggara. xi. Tiada surat perwakilan kuasa untuk menandatangani baucar. xii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditekuk/dicap TELAH BAYAR.

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.9. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

4.9.1. Mewujudkan mekanisme pemantauan yang teratur dan memastikan pemeriksaan berkala dibuat terhadap tugas kewangan pegawai bawahan.

4.9.2. Penglibatan dan penyeliaan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands-on* dalam urusan tersebut.

4.9.3. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

17 Mac 2016

